

PENCETUS MINDA KOPERASI NEGARA

INFO

BIL. 1/2023 ISSN 0127-0123



UKKM WADAH PERINTIS KEPIMPINAN KOPERASI NEGARA

**MAJLIS
PENGANUGERAHAN
SEPKo & SESKo**

**KETERJAMINAN
MAKANAN:
Sejauh Mana Peranan
Koperasi?**



DARI MEJA

Ketua Editor



Assalamualaikum dan Salam Sejahtera

Alhamdulillah, majalah INFO edisi pertama bagi tahun 2023 telah pun diterbitkan. Ucapan terima kasih diucapkan kepada semua yang sentiasa bertungkus-lumus dalam memastikan majalah ini diterbitkan mengikut tempoh yang ditetapkan. Saya berharap majalah INFO tetap relevan untuk melaporkan aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh

IKMa khusus untuk gerakan koperasi di Malaysia.

Pada tahun 2023, IKMa telah pun berusia 66 tahun. Seiring dengan peningkatan usia tersebut, IKMa telah pun melalui fasa transformasi organisasi yang ketara terutamanya dalam sistem pendidikan dan latihan koperasi. Kaedah pembelajaran dan modul sentiasa ditambah baik bagi memastikan gerakan koperasi tidak tercicir dalam peralihan fasa teknologi digital. Masyarakat juga lebih terbuka dan mula mengambil tahu tentang koperasi. Di sinilah peranan IKMa sebagai satu-satunya pusat pendidikan dan latihan koperasi dalam menyebarkan ilmu berkaitan koperasi seterusnya mendidik masyarakat tentang manfaat berkoperasi.

Justeru, usaha untuk melahirkan masyarakat yang cakna dan berpengetahuan tentang koperasi disambut baik oleh pihak kementerian, agensi dan koperasi di seluruh Malaysia apabila tertubuhnya Universiti Keusahawanan Koperasi Malaysia (UKKM) yang berpangkalan di Institut

Koperasi Malaysia, Jalan Templer. UKKM merupakan sebuah Institusi Pengajian Tinggi bertaraf universiti milik penuh IKMa, sebuah agensi di bawah KUSKOP yang telah beroperasi sebagai IPTS sejak 29 Mac 2023. Universiti ini menawarkan program peringkat Diploma, Sarjana Muda (Ijazah) dan Sarjana (Masters) dalam pengajian keusahawanan koperasi.

Bersempena dengan penubuhan UKKM, satu Majlis Pra Pelancaran telah diadakan pada 23 Mei 2023 yang lalu bertempat di Auditorium Dato' Abd Majid, IKMa. Oleh itu, ruangan Eksklusif Majalah INFO kali ini memaparkan latar belakang semasa majlis tersebut diadakan. Beberapa artikel lain yang menarik turut diselitkan dalam penerbitan Majalah INFO kali ini antaranya Majlis Penganugerahan Sijil Eksekutif Pengurusan Koperasi & Sijil Eksekutif Setiausaha Koperasi, Lawatan Kerja Rasmi IKMa dan Koperasi ke Universiti IKOPIN serta Koperasi di Indonesia serta beberapa artikel lain untuk tatapan pembaca sekalian.

Sekian.

Hamidah Mohd Jos

SIDANG EDITOR

Penasihat

YBhg. Datuk Mohd Ali Mansor

Ketua Editor

Hamidah Mohd Jos

Editor

Nor Aslamiah Ali
Nur Syazwani Zainul Abidin
Mohamad Suandi Mortadza
R. Zarinatun Mohd Abdul Kader
Ju Samsuddin Safian
Norawati Ngatmin

Norafidah Ismail@Yaacob
Afizah Abdul Jalal
Maryam Hamidah Mohd Ghazi
Afiza Abdul Karim
Wan Nur 'Ain Wan Abd. Rahim
Nor Azmawati Hj. Mohd Shafii
Mohamad Haniff Mohamad Hashim
Nazirah Baharudin
Julizah Sabstu
Nuur-Fadzillah Zullkepli
Norul Hayatie Hashim
Muhamad Shafiq Mohd Noor

Norfaezah Mahmood
Zaharatul Laili Zakaria

Urus setia

Sharepah Nur Azirah Shareh
Abd Rahman

Reka Bentuk dan Cetakan

Am Solutions Master
Tel : 0102252441
E-mel : amsprint@gmail.com

KANDUNGAN

EKSKLUSIF

- 4 UKKM Wadah Perintis Kepimpinan Koperasi Negara

MasKop 2023

- 6 Zon Sabah
- 8 Zon Sarawak
- 10 Cawangan Miri
- 12 Program MasKop 2023 di Lawas
- 13 Cawangan Kuala Terengganu
- 14 Zon Timur
- 16 Zon Tengah
- 18 Analitik Data Raya dalam Kepimpinan Gerakan Koperasi
- 20 Konsep Simpanan Melalui Pelaburan Emas
- 21 Cawangan Ipoh

FOKUS

- 22 Hari Koperasi Negara 2022
- 23 Seminar "Transformasi Rantaian Tani Niaga: Peluang Koperasi"

PERSPEKTIF

- 24 Motivasi Diri di Tempat Kerja
- 25 Inspirasi Sukur, OKU tapi OK
- 26 Kursus Piawai Prosedur Operasi (SOP) Aktiviti Perniagaan
- 27 Kursus Asas Keusahawanan Koperasi
- 28 Bengkel Pemasaran dan Pemetaan Aset Pelancongan Homestay serta Kutipan Data
- 30 Majlis Penganugerahan SEPko & SESko
- 32 IKMa, UKM Anjur Program Graduan Koperasi (G2K)
- 33 Kursus Potensi Dobi Layan Diri
- 34 Bengkel Pembangunan Produk Perkhidmatan Pelancongan
- 36 Belia Madani: Berikan 10 Orang Pemuda Pasti Kugoncang Dunia Koperasi
- 38 Softlankan Hatimu
- 40 Komunikasi Berpengaruh Pembuka Rezeki, Merintis Kejayaan
- 42 Bicara Ilmu: Melabur Tanpa Waswas dan Majlis Berbuka Puasa IKMa 2023

- 43 Hartanah: Prospek dan Cabaran Koperasi
- 44 Majlis Pendaftaran Sijil Eksekutif Pengurusan Koperasi (SEPko)
- 45 Majlis Pendaftaran dan Perasmian Sijil Eksekutif Setiausaha Koperasi (SESko)
- 46 Keterjaminan Makanan: Sejauh Mana Peranan Koperasi?
- 48 Kursus In-House Aplikasi Microsoft Excel Lanjutan (Koperasi Permodalan Felda Malaysia Berhad)

JARINGAN


- 49 IKMa Jalin Kerjasama dengan National Cooperative College of Mauritius
- 50 IKMa & Angkasa | Webinar Amalan Terbaik Kurikulum dan Tadbir Urus Koperasi di Malaysia dan Indonesia
- 51 Jalinan Kerjasama dari Jordan Co-operative Corporation (JCC)
- 52 Minggu Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) Zon Sarawak 2023
- 54 IKMa Terima Kunjungan Delegasi Negara Vanuatu
- 56 IKMa, Universiti IKOPIN Memeterai Perjanjian Kerjasama
- 58 Wakil ICAAP ke IKMa
- 60 Program International Co-operative Alliance Asia Pacific Malaysian Business Office (MBO) Co-operative Training
- 62 Webinar "Food Security in the Context of Cooperatives: Role, Challenges and Opportunities"

BERITA KAKITANGAN

- 63 IKMa Prihatin: Misi Bantuan Mangsa Banjir di Segamat
- 64 IKMa anjur Majlis Berbuka Puasa bersama Media
- 65 Program Glamping Taman Negara Pahang

GALERI

- 67 Galeri



UKKM Wadah Perintis Kepimpinan Koperasi Negara

Nuur-Fadzillah Zullkepli
fadzillah@ikma.edu.my
Unit Komunikasi Korporat



Tanggal 23 Mei 2023 melakar sejarah buat julung kalinya telah diadakan Majlis Prapelancaran Universiti Keusahawanan Koperasi Malaysia (UKKM) yang telah disempurnakan oleh YB Datuk Ewon Benedick, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP). Majlis yang diadakan di Auditorium Dato' Abdul Majid, Institut Koperasi Malaysia (IKMa) tersebut dihadiri oleh lebih kurang 450 orang jemputan yang terdiri daripada tetamu kehormat, para pegawai KUSKOP, agensi, kakitangan Institut Koperasi Malaysia (IKMa) dan UKKM, serta wakil-wakil dari koperasi kluster besar.

UKKM merupakan sebuah Institusi Pengajian Tinggi bertaraf universiti milik penuh IKMa, sebuah agensi di bawah KUSKOP yang telah beroperasi sebagai IPTS sejak 29 Mac 2023. Universiti ini menawarkan program peringkat Diploma, Sarjana Muda (Ijazah) dan Sarjana (Masters) dalam pengajian keusahawanan koperasi.

Sebagaimana yang digariskan di dalam Pelan Transformasi Koperasi Malaysia (TransKoM) 2021-2025, sektor koperasi bakal menyumbang sebanyak lima peratus dalam Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). KUSKOP menyokong

usaha kerajaan untuk meningkatkan pembangunan modal insan di negara ini melalui agenda Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia. Justeru, usaha UKKM ini dilihat sangat signifikan dengan hasrat KUSKOP untuk melahirkan lebih ramai tenaga kerja mahir dalam sektor koperasi di Malaysia.

Menurut YB Datuk Ewon Benedick, golongan pelapis kepimpinan koperasi perlu disediakan dan diberi peluang untuk mengisi tempat apabila tiba masanya. Dalam konteks negara ini, UKKM merupakan satu-satunya institut pendidikan jangka panjang yang dirangka bagi menyediakan dan menghasilkan

golongan profesional dalam kebitaraan keusahawanan koperasi.

UKKM yang **mengkhususkan bidang pengajian keusahawanan koperasi** dijangka **mampu memberi impak kepada sektor koperasi**. Kewujudan universiti ini bukan sahaja dapat melahirkan pelapis kepimpinan koperasi yang kompeten, malah mampu meletakkan Malaysia sebagai salah satu hab pendidikan koperasi. Lima program pengajian yang ditawarkan oleh UKKM adalah:

- I. Diploma Keusahawanan Koperasi
- II. Diploma Pengurusan Koperasi
- III. Bachelor of Business Administration (Cooperative Management)
- IV. Bachelor of Business Administration (Cooperative Entrepreneurship)
- V. Master in Business Administration (Cooperative Management)

IKMa di sepanjang 65 tahun kewujudannya, telah berjaya menyempurnakan amanah untuk memberi peluang pendidikan kepada generasi belia khusus dalam bidang pengurusan koperasi di mana sehingga kini, IKMa telah berjaya melahirkan seramai 1,365 orang graduan. Amat membanggakan apabila hasil kajian menunjukkan lebih 80 peratus graduan IKMa berjaya mendapat pekerjaan dalam tempoh enam bulan selepas tamat pengajian dan ini merupakan jumlah yang amat memberangsangkan dan kini usaha ini akan diteruskan lagi oleh Universiti Keusahawanan Koperasi Malaysia (UKKM).

Turut sama dalam majlis tersebut ialah YB Senator Puan Saraswathy Kandasamy, Timbalan Menteri KUSKOP, YBhg. Datuk

Haji Zamri bin Salleh, Timbalan Ketua Setiausaha KUSKOP, YBhg. Datuk Mohd Ali bin Mansor, Ketua Pengarah Institut Koperasi Malaysia, YBhg. Datuk Wira (Dr.) Rosli bin Mat Hassan, Pengerusi UKKM, Naib Canselor Universiti Keusahawanan Koperasi Malaysia, YBhg. Prof. Dato' Dr. Azali bin Mohamed serta tetamu kehormat yang lain.

Diharapkan agar UKKM mampu menjadi sebuah institusi latihan bagi pembelajaran sepanjang hayat dalam mentransformasikan dan membina gerakan koperasi yang lebih kompeten dan berdaya saing bagi memasuki pasaran pekerjaan. Mereka akan bertindak sebagai agen perubahan bagi melonjakkan lagi pencapaian koperasi agar setanding dengan pencapaian koperasi di luar negara.



- ▶ YB Datuk Ewon Benedick melihat usaha UKKM ini sangat signifikan dengan hasrat KUSKOP untuk melahirkan tenaga kerja mahir dalam sektor koperasi di Malaysia.



- ▶ YB Datuk Ewon Benedick menyerahkan surat tawaran calon pelajar Sarjana Pengurusan Perniagaan (Koperasi) kepada Senator Saraswathy Kandasami yang merupakan calon pelajar Universiti Keusahawanan Koperasi Malaysia (UKKM).



- ▶ UKKM menawarkan Hadiah Pendidikan Koperasi iaitu pengurangan sebanyak 50% daripada jumlah yuran pengajian untuk warga koperasi yang mendaftar mana-mana program pengajian bagi tigaambilan pertama UKKM.

ZON SABAH

Jaibit Jaudin
jaibit@ikma.edu.my
IKMa Zon Sabah

Christopher John Baptist
christopher@ikma.edu.my
IKMa Zon Sabah



► Perasmian MasKop Penampang oleh YB Datuk Ewon Benedick.

Program Turun Padang Ke Arah Memasyarakatkan Koperasi (MasKop) anjuran Institut Koperasi Malaysia (IKMa) Zon Sabah telah dijalankan secara *road show* di lima buah lokasi terpilih seluruh Sabah pada bulan Januari hingga Mac 2023. Sasaran peserta bagi program ini terdiri daripada koperator, usahawan dan individu berminat. Lokasi terlibat iaitu Kudat pada 19 Januari 2023 seramai 132 orang peserta, Keningau pada 26 Januari 2023 seramai 112 orang peserta, Sandakan pada 08 Februari 2023 seramai 105 orang peserta, Penampang pada 18 Februari 2023 seramai 572 orang peserta dan Tawau pada 09 Mac 2023 seramai 299 orang peserta.

Objektif utama program ini adalah untuk:

- Memberi pendedahan matlamat Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) sebagai kementerian yang bertanggungjawab dalam memasyarakatkan koperasi.
- Memberi pendedahan terhadap peranan dan inisiatif Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dalam memasyarakatkan koperasi.
- Memberi pendedahan tentang peranan Angkatan Koperasi Kebangsaan (ANGKASA) sebagai badan puncak koperasi di Malaysia.
- Memberi taklimat peranan IKMa dalam pembangunan modal insan koperasi.
- Memberi inspirasi dan perkongsian pengalaman kepada peserta terhadap koperasi yang berjaya.

Program MasKop ini juga merupakan program tahunan Institut Koperasi Malaysia (IKMa). Program yang berlangsung selama setengah hari ini telah melibatkan kerjasama agensi di bawah KUSKOP yang terlibat secara langsung dengan pembangunan gerakan koperasi iaitu SKM dan ANGKASA. Di samping sesi ceramah daripada agensi terlibat, program ini juga melibatkan perkongsian pengalaman kisah kejayaan usahawan dan koperasi terpilih. Program ini dilaksanakan untuk memberi pendedahan kepada anggota gerakan koperasi, usahawan dan masyarakat umum tentang keistimewaan dan kepentingan berkoperasi serta sumbangan gerakan koperasi dalam agenda pembangunan negara seperti yang digariskan oleh **Pelan TransKom 2021 - 2025** dan **Dasar Keusahawanan Nasional 2030**.

Kemuncak program ini telah berlangsung di International Technology and Commercial Centre di Penampang, Sabah (ITCC), yang dirasmikan oleh YB Datuk Ewon Benedick, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi. Manakala ucapan aluan disampaikan oleh YBhg. Datuk Mohd. Ali bin Mansor, Ketua Pengarah IKMa. Pengisian program perasmian ialah sesi penyampaian sijil Koperasi bimbingan IKMa Zon Sabah yang telah berjaya membangunkan Pelan Strategik koperasi di bawah Program MiRiCLe dan sumbangan program khidmat sosial (CSR) kepada koperasi

dan badan bukan kerajaan terpilih di kawasan Penampang.

Selain dari sesi ceramah, agensi-agensi KUSKOP yang lain dan koperasi-koperasi terpilih terlibat sebagai pempamer sepanjang program ini berlangsung. Pameran ini diadakan agar peserta dan pengunjung dapat melihat secara dekat peranan dan fungsi setiap agensi dan koperasi di samping pada masa yang sama mendapatkan maklumat tambahan berkaitan dengan agensi dan koperasi. Program MasKop yang diadakan di Penampang ini telah mendapat sambutan luar daripada jangkaan di mana daripada 500 sasaran awal peserta namun kehadiran peserta sebenar adalah 572 peserta pada hari

kejadian di mana pecahan kehadiran adalah 259 anggota koperasi dari pelbagai jawatan dan daerah di seluruh Sabah, KUSKOP seramai 61 peserta, 66 orang penjawat awam negeri dan persekutuan Sabah, sembilan orang usahawan dan 171 individu hadir dalam program tersebut.

Berdasarkan tinjauan kehadiran peserta dari KUSKOP dan 10 buah agensi, peserta koperasi, penjawat awam negeri dan persekutuan, usahawan dan individu dan penilaian daripada borang QR Code didapati Program Memasyarakatkan koperasi anjuran bersama KUSKOP dan IKMa ini mendapat sambutan yang begitu baik di mana rata-rata temu bual secara rawak dan spontan dan borang

penilaian QR code peserta berpuas hati penganjuran program ini. Kebanyakan peserta mendapat manfaat dari segi ilmu koperasi, memahami peranan KUSKOP, SKM, ANGKASA, IKMa dan motivasi daripada ceramah inspirasi kejayaan koperasi terpilih. Peserta juga berpeluang melihat, membeli hasil-hasil pameran dari koperasi dan bertanya secara dekat peranan agensi-agensi di bawah KUSKOP.

Sebagai rumusan, program MasKop yang dianjurkan telah membuka minda dan memberikan motivasi dan semangat kepada para peserta untuk meluaskan jaringan perniagaan mereka sekali gus memacu kecemerlangan gerakan koperasi Malaysia.



► Perasmian MasKop Tawau oleh YB Datuk Hj. Nizam, Pembantu Menteri kepada Ketua Menteri Sabah.



► Program MasKop di Kudat.



► Program MasKop di Penampang.



► Program MasKop di Sandakan.

ZON SARAWAK

Priscilla Kay anak George @ John
priscilla@ikma.edu.my
IKMa Zon Sarawak



► Penceramah jemputan, Dr Hajah Hayati Md Salleh menyampaikan perkongsian tentang "101 Tahun Gerakan Koperasi: Membanggakan atau Mengecewakan?"



► Para peserta sedang mendengarkan taklimat daripada para penceramah jemputan.

Program Turun Padang ke Arah Memasyarakatkan Koperasi (MasKop) Kuching 2023 telah diadakan pada 27 Februari 2023 di Hotel Waterfront, Kuching. Kuching merupakan destinasi yang terakhir bagi program MasKop, anjuran Institut Koperasi Malaysia (IKMa) Zon Sarawak. Ia telah dihadiri seramai 301 orang peserta dalam kalangan Anggota Lembaga Koperasi (ALK), usahawan, agensi, dan ketua kaum sekitar Kuching.

Program ini diadakan bertujuan untuk memberikan informasi berkaitan program pembangunan modal insan yang akan dijalankan oleh IKMa sepanjang tahun 2023 kepada masyarakat serta anggota koperasi khususnya di sekitar Kuching. Selain itu, taklimat mengenai bantuan dan sokongan daripada agensi-agensinya di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) dalam menjayakan Dasar Keusahawanan

Nasional (DKN) 2030 dan Pelan Transformasi Koperasi Malaysia 2021-2025 (TransKoM) turut disampaikan semasa program. Pengisian program MasKop ini terbahagi kepada tiga sesi iaitu sesi pertama telah dikongsi oleh Timbalan Pengarah IKMa Zon Sarawak, Encik Hamizah bin Mohd Nadzir tentang peranan IKMa serta program sepanjang 2023.

Sesi kedua pula berkaitan dengan peranan agensi dengan lebih terperinci yang telah disampaikan oleh Ketua Penolong Pengarah, Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), Encik Mohamad Noor Firdaus bin Fadzil. Bagi program MasKop kali ini, pihak IKMa telah menjemput YBhg. Dr. Hajah Hayati binti Md Salleh, Pengerusi Koperasi Pekebun Kecil Daerah Batu Pahat untuk menyampaikan ceramah bertajuk "101 Tahun Gerakan Koperasi: Membanggakan atau Mengecewakan".

Melalui perkongsian itu, beliau telah membincangkan tentang kisah kejayaan, cabaran-cabaran yang dihadapi, serta isu-isu semasa gerakan koperasi yang telah mencapai usianya yang ke-101 tahun.

Majlis perasmian program MasKop telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Mohd Ali bin Mansor, Ketua Pengarah Institut Koperasi Malaysia (IKMa). Semasa majlis perasmian juga menyaksikan penyampaian sumbangan kasih "Back to School" kepada 30 orang murid yang berbentuk barangan keperluan persekolahan.

Secara keseluruhannya, penganjuran program ini telah berjalan dengan lancar dan jayanya serta mencapai objektifnya. Semoga para peserta dapat membuka minda untuk terus berusaha dalam memantapkan gerakan koperasi masing-masing.



► Penyerahan bantuan Kembali ke Sekolah kepada salah seorang wakil sekolah oleh YBhg. Datuk Mohd Ali bin Mansor, Ketua Pengarah IKMa.



► Penyampaian sumbangan kasih "Back to School" kepada murid yang memerlukan yang merupakan bantuan keperluan persekolahan oleh Institut Koperasi Malaysia (IKMa).



► Para pempamer yang turut serta Maskop Kuching 2023.

CAWANGAN MIRI

Syarifah Rohaya Wan Idris
syarifah@ikma.edu.my
IKMa Zon Sarawak
(Cawangan Miri)

Bandar raya Miri yang terkenal dengan maskot kuda laut dalam kalangan pelancong dalam dan luar negeri ini telah dipilih menjadi destinasi pertama penganjuran program Turun Padang ke Arah Memasyarakatkan Koperasi (MasKop) bagi tahun 2023 anjuran Institut Koperasi Malaysia (IKMa) Zon Sarawak. Program selama setengah hari itu telah diadakan pada 28 Januari 2023. Hari Sabtu dipilih sebagai hari pelaksanaan program bersesuaian dengan norma masyarakat di Miri yang tidak bekerja pada hari tersebut menjadi faktor penggalak kepada kehadiran mereka menyertai program ini. Kehadiran seramai 218 orang yang kebanyakannya terdiri daripada kalangan barisan Anggota Lembaga, kakitangan pengurusan dan anggota koperasi di bahagian Miri dan kawasan sekitarnya. Turut hadir adalah kakitangan jabatan dan agensi kerajaan serta ketua kaum dan ketua masyarakat yang berpejabat dan tinggal di sekitar bandar Miri. Program ini dilaksanakan menerusi kerjasama dengan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) Bahagian Miri dan Pejabat Residen Bahagian Miri.

Program MASKOP yang diadakan saban tahun ini bertujuan bagi memberi pendedahan tentang koperasi kepada kalangan masyarakat yang hadir di samping memperkenalkan program latihan dan pendidikan koperasi yang dianjurkan oleh IKMa secara keseluruhannya dan IKMa Zon Sarawak khususnya selain memperkenalkan



► YB Dr. Ripin Lamat (tengah) bergambar kenangan bersama tetamu jemputan.

peranan agensi kerajaan di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP). Selain itu, turut dikongsi pengalaman koperasi yang terlibat dalam rantaian niaga industri minyak dan gas.

Program bermula sewal jam 8.30 pagi dengan pembentangan taklimat daripada IKMa sendiri berkenaan program pembangunan modal insan koperasi dan disusuli dengan taklimat daripada SKM berkenaan beberapa inisiatif pembangunan perniagaan koperasi terutamanya dalam bentuk bantuan kewangan sama ada melalui geran atau pinjaman Tabung Modal Pusingan. Sesi perkongsian pengalaman koperasi menyusul sesudah itu. Kali ini IKMa membawakan informasi terhadap peluang koperasi menceburkan diri dalam rantaian niaga industri minyak dan gas yang telah disampaikan oleh Encik Mohd Hafizan Ishak yang merupakan Ketua Pegawai Eksekutif Koperasi Pengerang Jaya Johor Berhad (KOPEJA). Tepat jam 12.00 tengah hari, program ditutup dengan pelaksanaan majlis perasmian penutupan yang telah disempurnakan oleh YB Dr. Ripin bin Lamat, Timbalan Menteri Belia, Sukan dan Usahawan (Pembangunan Keusahawanan) Sarawak merangkap

Ahli Dewan Undangan Negeri - N72 Lambir. Sebelum masuk ke dalam dewan, beliau yang ditemani oleh Encik Mohd Zaib bin Mat Yunus, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan Modal Insan), IKMa berkesempatan mengunjungi beberapa buah gerai jualan koperasi yang dipamerkan di luar dewan selain booth pameran daripada agensi-agensi KUSKOP.

Secara keseluruhannya, program MasKop pada kali ini dilihat berjaya mencapai objektif penganjurannya. Kehadiran peserta yang melebihi sasaran yang ditetapkan juga menunjukkan sokongan dan komitmen warga koperasi yang semakin celik ilmu dan kesedaran dalam memperoleh ilmu berkaitan koperasi. Semoga program seumpamanya ini dapat diteruskan dan menjadi satu wahana yang berkesan dalam melahirkan koperator dan usahawan yang berjaya dalam bidang yang diceburi masing-masing sekali gus dapat meningkatkan sumbangan gerakan koperasi dalam pembangunan ekonomi negara.

Usai program MasKop yang diadakan di Hotel Pullman Miri Waterfront, IKMa Zon Sarawak meneruskan misi mendekatkan diri dengan koperasi



► YB Dr. Ripin Lamat sempat singgah di *booth* jualan koperasi.



► Puan Hartini memberikan sedikit taklimat berkenaan Koperasi Keluarga Zailani dan Aminah Miri Berhad.

dengan mengadakan lawatan muhibah ke Koperasi Keluarga Zailani dan Aminah Miri Berhad yang beroperasi di Center Point Commercial Center, bandar Miri.

Rombongan seramai 7 orang yang diketuai oleh Timbalan Ketua Pengarah IKMa, Encik Mohd Zaib bin Mat Yunus dan Pengarah IKMa Zon Sarawak, Puan Siti Maimunah binti Jerni telah disambut mesra oleh Lembaga Koperasi. Koperasi yang hanya terdiri daripada ahli keluarga seramai lima orang ini dipengerusikan

oleh Encik Zembry bin Zailani, Puan Hartini binti Zailani sebagai Bendahari dan Puan Siti Rahimah binti Masri sebagai Setiausaha. Encik Zailani bin Hossen (ayah) selaku Ketua, manakala Puan Fatimah Aminah binti Nawawi (ibu) sebagai anggota koperasi. Nama koperasi ini diambil sempena nama ayah dan ibu mereka.

Menurut Puan Hartini, KOZAMINA yang baru berusia setahun jagung itu ditubuhkan bertujuan untuk membantu

ke arah mencapai pembangunan keluarga serta meningkatkan taraf ekonomi anggota-anggotanya melalui penglibatan dalam perniagaan yang dijalankan oleh koperasi dari semasa ke semasa. Setakat ini, KOZAMINA menawarkan perkhidmatan pakej penjagaan berpantang yang dilakukan di rumah pelanggan. Ia merangkumi pakej berpantang ibu dan bayi serta pakej keguguran yang melibatkan perkhidmatan mandi herba, bertungku, urutan, air minuman herba, memasak makanan berpantang termasuk penjagaan bayi selama 7 hari sehingga 44 hari. Selain itu, KOZAMINA mengeluarkan produk sendiri secara *homemade* seperti *balm* serba guna pilis dan garam mandian. Di samping itu, perkhidmatan lain yang ditawarkan adalah konsultasi bisnes dan perakaunan syarikat yang menyasarkan peniaga-peniaga yang baru memulakan perniagaan. Hasil perjumpaan tersebut, satu aktiviti kerjasama dalam bidang latihan bakal dirancang dan dilaksanakan untuk pembangunan aktiviti perniagaan koperasi ini.

Sesudah lawatan tamat, Encik Mohd Zaib mengambil kesempatan masa yang masih ada untuk menjenguk pula pejabat baharu IKMa Cawangan Miri yang kebetulan tidak berapa jauh dari kawasan lawatan tadi. Beliau yang turut ditemani oleh Encik Hamidah bin Mohd Nadzir dan beberapa orang kakitangan IKMa meninjau keadaan di sekitar pejabat tersebut. Di penghujung kunjungan, beliau sempat memberi pesan dan kata semangat kepada kakitangan IKMa yang baru supaya menjalankan tugas dan tanggungjawab sebagai penjawat awam dengan penuh dedikasi dan berwibawa dalam menjunjung visi dan misi IKMa sebagai sebuah pusat latihan perkoperasian di Malaysia.

PROGRAM MasKop 2023 DI LAWAS

Mohamad Suandi Mortadza
msuandi@ikma.edu.my
IKMa Zon Sarawak



► Puan Siti Maimunah Jerni bersama tetamu jemputan dan para peserta yang hadir.



► Sidang Panel Sesi Forum, dari kiri Encik Mohamad Suandi Mortadza, Encik Earl Angah, Encik Majeri Li dan Cik Prisilla Kay (Pengerusi Forum).

Program Turun Padang ke Arah Memasyarakatkan Koperasi (MasKoP) telah diadakan di Hotel Seri Malaysia Lawas pada 14 Februari 2023 anjuran Institut Koperasi Malaysia (IKMa) Zon Sarawak. Seramai 282 orang peserta dalam kalangan koperator dan usahawan sekitar bandar Lawas dan Limbang telah menghadiri program pada kali ini. Tujuan utama penganjuran MasKop 2023 pada kali ini adalah untuk berkongsi peranan Institut Koperasi Malaysia (IKMa) kepada gerakan koperasi dan usahawan serta berkongsi perkembangan semasa gerakan koperasi. Dalam program ini juga IKMa Zon Sarawak turut berkongsi senarai program dan kursus yang bakal dilaksanakan sepanjang tahun 2023.

Program ini telah dirasmikan oleh Puan Siti Maimunah binti Jerni, Pengarah

Institut Koperasi Malaysia (IKMa) Zon Sarawak. Dalam ucapan perasmian yang telah disampaikan, beliau menyeru agar para koperator yang hadir untuk menghadiri program latihan yang telah ditawarkan kepada para koperator untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran Ahli Lembaga Koperasi. Turut hadir ialah Encik Awangku Mohamad Faizal bin Pengiran Jawa yang mewakili Residen Bahagian Limbang.

Pengisian Program dimulakan dengan Taklimat IKMa Zon Sarawak yang telah disampaikan oleh Encik Mohamad Suandi bin Mortadza (Pensyarah Kanan IKMa Zon Sarawak). Setelah itu Encik Earl Angah (Penolong Pengarah Kanan SKM) menyampaikan taklimat mengenai Peranan SKM Memasyarakatkan Koperasi. Manakala pembentang ketiga



► Salah seorang peserta bertanyakan soalan ketika sesi perkongsian.

iaitu Encik George Aiman Milin (Pengurus Kanan ANGKASA) berkongsi mengenai Peranan ANGKASA. Di samping itu, Sesi Dialog Peranan Agensi juga diadakan yang dibarisi panel Encik Mohamad Suandi Mortadza (IKMa), Encik Earl Angah (SKM) dan Encik Majeri Li (ANGKASA).

CAWANGAN KUALA TERENGGANU

Abdul Hakim Zaidi
hakim@ikma.edu.my
IKMa Zon Timur
(Cawangan Kuala Terengganu)

Tanggal 18 Januari 2023 (Rabu) bertempat di Hotel Permai Inn, Kuala Terengganu telah diadakan Program Turun Padang ke Arah Memasyarakatkan Koperasi (MasKop). Penganjuran program ini mendapat sambutan yang memberangsangkan dengan kehadiran 300 orang peserta dari pelbagai koperasi seluruh negeri Terengganu.

MasKop merupakan salah satu inisiatif Institut Koperasi Malaysia (IKMa) bagi meningkatkan penampilan imej dan identiti IKMa kepada masyarakat luar iaitu sebagai salah sebuah agensi kerajaan yang terlibat secara langsung dengan gerakan koperasi Malaysia khusus menerusi Pembangunan Modal Insan. Justeru, program diisi dengan sesi taklimat pencapaian program IKMa 2022 dan program latihan IKMa 2023 oleh Ketua Cawangan IKMa Kuala Terengganu, Cik Norsyeirawani binti Shari. Selain itu, bagi menghebahkan perkhidmatan dan produk yang ditawarkan oleh pihak lain kepada gerakan koperasi, MasKop ini juga diisi dengan taklimat oleh Perhubungan Angkasa Negeri Terengganu dan Bank Rakyat Kuala Terengganu serta Koperasi Warisan Keluarga Othman Kuala Terengganu Berhad (KOWAMAN) bagi perkongsian pengalaman dan kejayaan KOWAMAN dalam bidang hartanah.

Majlis Perasmian Penutupan Program MasKop Kuala Terengganu 2023 ini telah disempurnakan oleh Puan Najmah



► Slot taklimat IKMa oleh Cik Norsyeirawani (Ketua Cawangan).



► Peserta khusyuk memberi perhatian terhadap perkongsian daripada penceramah.



► Puan Najmah bergambar bersama peserta program yang hadir.

binti Nawawi, Pengarah Kanan Bahagian Pembangunan dan Perundingan Koperasi IKMa. Turut hadir dalam majlis ini ialah Tuan Haji Mohamed bin Yusoff, Pengerusi Perhubungan Angkasa Negeri Terengganu, dan Puan Haslinda binti Sujak, Pengarah IKMa Zon Timur.

Satu sesi ringkas Pertukaran Dokumen Kerjasama Strategik di antara KOWAMAN dengan Koperasi Kakitangan Kerajaan dan Badan-badan Berkanun Terengganu Berhad (KOKANUN) dan Koperasi Kakitangan Kerajaan Terengganu Berhad (KOKITAB) turut diadakan. Ini bagi meraikan KOWAMAN (sebuah koperasi bimbingan Program MiRiCLe IKMa Zon Timur bersama Sektor Hartanah dan Industri Pembinaan IKMa) yang telah

dilantik sebagai Project Management Consultant (PMC) oleh KOKANUN dan KOKITAB untuk menguruskan projek pembangunan tanah milik KOKANUN dan KOKITAB.

Secara keseluruhannya, program ini bukan sahaja memberi pendedahan terhadap fungsi IKMa dan program sokongan agensi berkaitan gerakan koperasi, malahan peserta yang hadir dapat menimba ilmu dan pengalaman dari koperasi yang berjaya seperti KOWAMAN ini. Manfaat dan contoh yang baik dapat diperoleh bagi koperasi lain membangunkan anggota yang berilmu serta mengurus ekonomi koperasi yang berimpak tinggi.



► Peserta Program MasKop di lokasi pertama Kuala Lipis bergambar bersama wakil agensi yang hadir.

ZON TIMUR

Maryam Hamidah Mohd Ghazi
maryam.hamidah@ikma.edu.my
IKMa Zon Timur



► Perasmian Program oleh Exco Felda, Koperasi dan Usahawan Negeri Pahang oleh YB. Tuan Ir. Razali bin Kassim.

Institut Koperasi Malaysia (IKMa) Zon Timur telah menganjurkan Program Turun Padang ke Arah Memasyarakatkan Koperasi (MasKop) 2023 sempena promosi program latihan IKMa 2023 pada bulan Januari dan Februari yang lalu bertempat di tiga lokasi terpilih di negeri Pahang. Program MasKop ini menyasarkan penyertaan daripada semua lapisan masyarakat sama ada anggota koperasi mahupun bukan anggota koperasi. Ia selaras dengan Bidang Tujahan 3, Pelan Transformasi Koperasi Malaysia 2021-2025 (TransKoM 2021-2025) yang menggariskan pengukuhan bakat dan pembangunan modal insan yang berpengetahuan, berinovasi, berintegriti dan berdaya maju. Program ini mendapat sokongan dan kerjasama daripada pelbagai pihak terutama dari Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) dan Bank Rakyat. Matlamat utama program ini adalah memperkenalkan program

latihan IKMa bagi tahun 2023, taklimat pencapaian program IKMa bagi tahun sebelumnya serta taklimat bantuan dan sokongan agensi yang berkaitan kepada koperator. Selain itu, program ini turut menjemput beberapa koperasi berjaya untuk berkongsi kisah kejayaan koperasi mereka. Pameran dari agensi dan gerai jualan produk koperasi juga turut diadakan.

Program ini bermula di lokasi pertama di Hotel Star Well, Kuala Lipis pada 30 Januari 2023 yang telah melibatkan penyertaan seramai 89 peserta. Program dimulakan dengan sesi taklimat IKMa yang disampaikan oleh Puan Maryam Hamidah binti Mohd Ghazi, Pegawai Latihan Kanan, IKMa Zon Timur. Program diteruskan dengan sesi perkongsian pengalaman koperasi berjaya yang disampaikan oleh Tuan Haji Mohd Radzi bin Mohd Noh, Pengerusi Koperasi Felda Sungai Koyan 3 Raub Berhad. Beliau telah berkongsi pengalaman beliau mengenai kejayaan koperasinya dalam pentadbiran,

pengurusan dan strategi pemasaran perniagaan koperasi. Sesi seterusnya adalah sesi bersama SKM Pahang yang diwakili oleh Encik Saffuan Fathi bin Md Shuhaimi, Penolong Pengarah SKM Wilayah Raub/Lipis dan sesi bersama Timbalan Pengerusi ANGKASA Pahang 3 (Barat), Encik Abi Hurairah bin Ahmad yang berkongsi maklumat berkenaan bantuan dan sokongan yang disediakan oleh agensi masing-masing kepada koperator dan usahawan dalam membangunkan perniagaan.

Manakala pada 31 Januari 2023, telah berlangsung Program MasKop di Hotel Seri Malaysia, Temerloh dan telah disertai seramai 120 peserta. Program dimulakan dengan sesi taklimat IKMa yang disampaikan oleh Cik Norhazilina binti Abdul Halim, Timbalan Pengarah IKMa Zon Timur. Bagi sesi perkongsian pengalaman koperasi berjaya di Temerloh, IKMa Zon Timur telah menjemput Encik Mohamad Hanifah bin B.K Koya Moideen Kutty, Pengerusi Koperasi Guru-Guru Melayu Pahang Selatan Berhad (SAGUMPAS) selaku penceramah. Antara aktiviti utama koperasi ini adalah perniagaan stesen minyak, kedai tayar dan kedai buku. Dalam sesi ini, beliau berkongsi serba ringkas berkenaan aktiviti-aktiviti perniagaan yang dijalankan oleh koperasi dan berkongsi ilmu pengetahuan berkaitan perniagaan kepada koperator dan usahawan yang hadir.

Program diteruskan dengan sesi bersama agensi seperti SKM, ANGKASA dan Bank Rakyat. SKM telah diwakili oleh Puan Puteri Yasmin binti Megat Mahmood iaitu Penolong Pegawai Ehwil Ekonomi, SKM Wilayah Bera yang membincangkan



► Koperator yang hadir pada Program MasKop di Kuantan.

aspek program-program yang dianjurkan oleh SKM. Para peserta juga turut terlibat dalam sesi soal jawab kerana mereka ingin mendapatkan maklumat yang lebih tepat daripada agensi terbabit.

Lokasi terakhir bagi Program MasKop di negeri Pahang ini telah diadakan di Hotel Zenith, Kuantan pada 2 Februari 2023. Seramai 270 peserta yang terdiri daripada koperator dan usahawan di sekitar Kuantan, Pekan, Rompin dan Maran telah hadir pada hari tersebut. Program dimulakan dengan sesi taklimat oleh IKMa yang disampaikan oleh Puan Haslinda binti Sujak, Pengarah IKMa Zon Timur. Bagi sesi taklimat oleh agensi, agensi yang terlibat sebagai penceramah ialah SKM Pahang diwakili oleh Puan Shahirah binti Mohamad, Timbalan Pengarah, SKM Pahang dan Tuan Haji Asruddin bin Haji Abas, Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Perhubungan ANGKASA Negeri Pahang 1 (Timur). Program diakhiri dengan sesi perkongsian pengalaman

koperasi berjaya yang disampaikan oleh YBhg. Dr. Haji Mohamad Hilmi bin Mat Said, Pengerusi Koperasi Masjid Lama Permatang Badak Berhad. Beliau telah berkongsi kejayaan koperasinya dalam mengembangkan perniagaan dan manfaatnya kepada penduduk di sekitar kawasan masjid tersebut. Program MASKOP di Kuantan ini telah dirasmikan oleh YB. Tuan Ir. Razali bin Kassim, Exco Felda, Koperasi & Usahawan Negeri Pahang. Selain itu, di bahagian belakang dewan juga terdapat lapan koperasi dan usahawan yang membuka gerai jualan yang menjual pelbagai jenis makanan dan produk.

Program yang dijalankan di tiga lokasi ini telah mendapat maklum balas yang positif bukan sahaja daripada koperator malah daripada usahawan juga. Program seperti ini diharapkan dapat membantu koperasi dan usahawan menambah ilmu pengetahuan dalam bidang perkoperasian dan sekali gus dapat meluaskan jaringan perniagaan mereka.

ZON TENGAH

Norfaezah Mahmood
norfaezah@ikma.edu.my
IKMa Zon Tengah

Institut Koperasi Malaysia (IKMa) Zon Tengah telah menganjurkan Program Turun Padang ke Arah Memasyarakatkan Koperasi (MasKop) bagi tahun 2023. Program ini telah dijalankan di empat buah lokasi yang terpilih seperti di sekitar kawasan negeri Perak, Kuala Selangor, Negeri Sembilan dan Kuala Lumpur. Program ini telah diadakan pada awal Februari sehingga awal Mac 2023 yang lalu. Sasaran peserta bagi program ini terdiri daripada koperator, usahawan dan individu yang berminat.

Objektif utama program ini untuk meningkatkan kefahaman masyarakat terhadap koperasi dan memberi penerangan berkaitan program-program latihan Institut Koperasi Malaysia (IKMa) sepanjang tahun 2023. Selain itu, koperator yang hadir juga turut diberikan pendedahan berkaitan hala tuju IKMa ke arah kecemerlangan modal insan dan keusahawanan koperasi. Tambahan pula, hubungan jaringan antara koperasi dan koperator juga dapat dijalinan semasa program dijalankan.

Program telah dijalankan di empat buah lokasi telah mendapat maklum balas positif bukan sahaja daripada koperasi malah para usahawan. Tambahan pula, program ini bertujuan untuk mempromosikan kepada koperator dan usahawan tentang peluang pendidikan dan latihan, perniagaan serta maklumat mengenai bantuan dan



- ▶ Majlis Penyerahan Sijil Bimbingan CO-OP Tourism disampaikan oleh Ketua Pengarah IKMa kepada peserta.



- ▶ Ucapan Perasmian daripada Encik Zulkiflee Aspan, Pengarah Zon Tengah, IKMa.



- ▶ Taklimat program MasKop disampaikan oleh Encik Shamsul Khairi Abu Hassan, Timbalan Pengarah Zon Tengah, IKMa.

sokongan yang disediakan oleh agensi di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) dalam menyokong dan menjayakan Pelan Tindakan Pembangunan Modal Insan Koperasi 2022-2025.

Jumlah penyertaan peserta yang menyertai program ini adalah seramai 706 orang. Sambutan yang menggalakkan diterima daripada koperator yang terdiri daripada kalangan Anggota Lembaga Koperasi (ALK), Jawatankuasa Audit Dalaman (JAD) Koperasi, anggota dan warga kerja koperasi dari sekitar Perak, Selangor, Kuala Lumpur dan Negeri Sembilan (Rujuk Jadual 1). Selain itu, agensi lain yang turut terlibat dalam program MasKop terdiri daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA).

Pengisian program ini turut berkongsi maklumat berkenaan peranan agensi seperti SKM dan ANGKASA ke arah memasyarakatkan koperasi. Sepanjang program ini berlangsung, terdapat juga pempamer yang membuka reruai seperti Bank Rakyat, KWSP, IKMa, SKM dan ANGKASA, koperasi dan usahawan yang berminat untuk memberi keterangan dan maklumat lanjut berkenaan tawaran atau peluang yang boleh dimanfaatkan oleh koperator yang hadir.

Program Maskop Zon Tengah diadakan di tiga buah lokasi iaitu stesen negeri Perak di Marina Island Resort & Hotel, Lumut, stesen Negeri Sembilan di Hotel Royale Chulan, Seremban dan stesen negeri Selangor di De Palma Resort, Kuala Selangor telah dirasmikan oleh Pengarah Zon Tengah iaitu Encik Zulkiflee bin Aspan. Manakala bagi

Jadual 1: Lokasi bagi Program MasKop Anjuran IKMa Zon Tengah

BIL	TARIKH & MASA	TEMPAT	KEHADIRAN PESERTA
1.	02 Februari 2023 (Khamis)	Stesen : Negeri Perak • Marina Island Resort & Hotel, Lumut	136
2.	16 Februari 2023 (Khamis)	Stesen : Negeri Sembilan • Hotel Royale Chulan, Seremban	165
3.	23 Februari 2023 (Khamis)	Stesen : Negeri Selangor • De Palma Resort, Kuala Selangor	154
4.	01 Mac 2023 (Rabu)	Stesen : Kuala Lumpur • Hotel Concorde, Kuala Lumpur	251
JUMLAH KEHADIRAN PESERTA			706

satu lokasi iaitu stesen Kuala Lumpur di Hotel Concorde, Kuala Lumpur telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk Mohd Ali bin Mansor, Ketua Pengarah IKMa. Program MasKop bagi stesen Kuala Lumpur telah dijalankan dengan kolaborasi bersama Sektor Keberhasilan (SK) berserta Bicara Ilmu yang bertajuk "Sustainable Development Goals (SDG) - Koperasi Perlu Cakna!" yang disampaikan oleh YBhg. Dr. Norsaidatul Akmar binti Mazelan, Setiausaha Agung, Sustainable Business Network Association Malaysia (SustNET).

Objektif bicara ilmu bertujuan memberi pendedahan kepada gerakan koperasi tentang manfaat pelaksanaan aktiviti ekonomi dengan mengamalkan


Matlamat Pembangunan Mampan (SDG). Selain itu, turut berlangsung Majlis Penyerahan Sijil Bimbingan CO-OP Tourism pada program tersebut.

Penghargaan terima kasih kepada pegawai yang hadir dan terlibat dari agensi seperti SKM wilayah atau negeri serta pegawai dari ANGKASA dalam usaha dan kerjasama menjayakan program MasKop anjuran IKMa Zon Tengah bagi tahun 2023. Semoga dengan berkat usaha sama ini, IKMa Zon Tengah dapat berjaya menyalurkan maklumat dengan berkesan dan mencapai sasaran bilangan peserta yang bakal hadir ke program-program latihan IKMa pada masa akan datang. Sebagai rumusan, program MasKop yang dianjurkan telah

membuka minda dan memberikan motivasi serta semangat kepada para peserta untuk meluaskan jaringan perniagaan mereka sekali gus memacu kecemerlangan gerakan koperasi di Malaysia.



► Taklimat ANGKASA oleh YBhg. Dato' Hj. Mohd. Alias Hamzah Pengerusi Perhubungan ANGKASA Negeri Selangor.



► Puan Masnormawati Husain, Penolong Pegawai Ekwil Ekonomi dari SKM Wilayah Persekutuan menyampaikan tajuk Peranan Kementerian dan Agensi dalam Memasyarakatkan Koperasi.



► Sesi soal jawab bersama peserta yang hadir.



► Slot Bicara Ilmu disampaikan oleh YBhg. Dr. Norsaidatul Akmar Mazelan, Setiausaha Agung, Sustainable Business Network Association Malaysia (SustNET).

ANALITIK DATA RAYA DALAM KEPIMPINAN GERAKAN KOPERASI

Farez Mahmood

farez@ikma.edu.my

Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi



► Sesi bergambar bersama penerima sijil Program CODE (Cooperative Digital Empowerment).

Program MasKop merupakan salah satu inisiatif dari Institut Koperasi Malaysia (IKMa) bertujuan untuk mendedahkan masyarakat tentang peranan dan aktiviti koperasi dalam membangunkan ekonomi koperasi. Program ini mempromosikan kelebihan dan keistimewaan koperasi kepada masyarakat serta menghebahkan perkhidmatan dan produk yang ditawarkan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP), Institut Koperasi Malaysia (IKMa) dan agensi yang berkaitan.

Program yang dianjurkan oleh Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) pada kali ini bertempat di Hotel Everly Putrajaya pada 9 Februari 2023 yang lalu.

Program ini memberi maklumat kepada gerakan koperasi dalam merebut peluang yang ada khususnya dalam bidang latihan, perniagaan dan ekonomi serta maklumat mengenai bantuan dan sokongan oleh agensi di KUSKOP. Manakala program Bicara Ilmu adalah perkongsian ilmu dan pengalaman

daripada pakar dalam bidang analitik data raya. Objektif program ini untuk memberi pendedahan dan kefahaman tentang kepentingan data raya dalam pengurusan pentadbiran koperasi dan pengetahuan tentang kaedah analitik data raya yang boleh diaplikasikan di koperasi.

Tema Bicara Ilmu ialah "Analitik Data Raya dalam Kepimpinan Gerakan Koperasi". Melalui Revolusi Industri keempat (IR4.0), pendigitalan dalam pengurusan koperasi adalah amat penting kerana



► Ucapan perasmian program oleh Ketua Pengarah IKMa.

dapat memberi impak yang positif dan memudahkan segala urusan dalam pentadbiran koperasi. Kepimpinan digitalisasi melalui kaedah analitik data raya dapat membantu koperasi untuk menguruskan data anggota dengan mudah. Koperasi dapat melaksanakan proses aliran kerja dengan lebih cepat dan tersusun. Dengan itu, keputusan dapat dibuat dengan lebih cepat dan telus. Transformasi kepimpinan digitalisasi melalui data raya membantu pihak Anggota Lembaga Koperasi (ALK) dan pengurusan agar dapat membuat keputusan yang tepat dan perancangan yang lebih tersusun dan realistik dengan



► Sesi bicara ilmu disampaikan oleh YBhg. Datuk Seri Dr. Md Zabid bin Haji Abdul Rashid.

menganalisis data koperasi yang ada. Seterusnya, pentadbiran koperasi dapat dikendalikan dengan lebih cekap dan produktif.

Melalui perkongsian ilmu pengurusan data raya, ia dapat membantu kepimpinan ALK membuat keputusan dan perancangan dengan lebih cekap, sistematik dan tepat dalam menerajui tadbir urus koperasi. Penceramah jemputan ialah Datuk Seri Dr. Md Zabid bin Haji Abdul Rashid merupakan Pengerusi Koperasi Profesional Wilayah Berhad dalam membicarakan topik analitik data raya berserta perkongsian pengalaman

beliau melaksanakan analitik data raya dalam pengurusan koperasi.

Selain dari itu, peserta juga didedahkan dengan platform digital MSME dikenali sebagai MyMall oleh penceramah KUSKOP di mana peserta dapat mengetahui satu lagi alternatif dan cara untuk mempromosikan produk dan perkhidmatan koperasi melalui platform yang disediakan oleh pihak KUSKOP. Penceramah iaitu Puan Zalwani binti Zalkaply merupakan Timbalan Setiausaha Bahagian, Seksyen Pembiayaan Usahawan (SBU), Bahagian Pembangunan Ekosistem Keusahawanan (BPES), KUSKOP telah dijemput untuk memberikan ceramah. Peserta yang hadir dapat menimba banyak maklumat baru yang telah disajikan dalam program ini.

Dengan adanya perkongsian maklumat berkaitan analitik data raya dan platform MyMall pada kali ini, ia dapat memberi gambaran kepada peserta tentang kepentingan pendigitalan dan juga sebagai langkah pertama bagi gerakan koperasi untuk membudayakan digitalisasi dalam pentadbiran dan pengurusan koperasi.



KONSEP SIMPANAN MELALUI PELABURAN EMAS

Nazirah Baharudin
nazirah@ikma.edu.my
Pusat Perundingan Koperasi



Pusat Perundingan Koperasi, Institut Koperasi Malaysia (IKMa) telah berjaya melaksanakan program Bicara Ilmu sempena Program Turun Padang ke Arah Memasyarakatkan Koperasi 2023 (MasKop). Program ini diadakan secara bersemuka di Hotel Grand Riverview Kota Bharu, Kelantan pada 8 Februari 2023 yang lalu. Ia telah dihadiri seramai 190 peserta yang terdiri daripada pelbagai koperasi, usahawan dan masyarakat di sekitar Kelantan.

Program ini julung kalinya diadakan bertemakan Konsep Simpanan Melalui Pelaburan Emas. Penceramah undangan iaitu Encik Anuar Sahrim merupakan Pengurus Besar Koperasi Pos Nasional Berhad (KOPONAS).

Beliau telah menceburi bidang emas sejak tahun 2008 dengan berkhidmat di Habib Jewels Sdn Bhd. Kemudian, pada tahun 2012 beliau meneruskan lagi karier dengan Koperasi Pos Malaysia Bhd dan merupakan salah seorang yang terlibat dengan pembukaan operasi Pos Ar-Rahnu Sdn Bhd sehingga berjaya membuka 80 buah cawangan. Pada tahun 2021, beliau telah dilamar oleh KOPONAS bagi menerajui perniagaan KOPONAS yang berkaitan dengan emas dan patuh syariah.

Beliau berkongsi dengan para peserta berkaitan perbandingan antara simpanan tunai melalui Tabung Haji, ASB dan simpanan emas. Melalui perkongsian ini, beliau juga menunjukkan kepada peserta

bahawa simpanan melalui emas dapat membantu peserta meraih nilai tunai yang berganda selepas simpanan dibuat dalam tempoh 5-10 tahun.

Seterusnya, beliau berkongsi berkaitan KiGA. KiGA ialah "KOPONAS Islamic Gold Account. KiGa ini merupakan satu platform untuk memiliki emas digital secara mudah dan kos efektif bersesuaian dengan bajet pembelian. Melalui konsep ini, pelanggan merupakan pemilik sah untuk setiap pembelian gram. Manakala, KOPONAS merupakan pemilik produk KiGA. Seterusnya, vendor diberi kuasa untuk setiap pembelian, penjualan, pertukaran dan menyimpan emas. Beliau turut berkongsi dengan peserta berkaitan ciri-ciri KiGA iaitu mutu ketulenan emas 999.9%, patuh syariah, Istanbul Gold dan didaftarkan di bawah Bank Negara Malaysia. Pelanggan boleh memiliki KiGA serendah RM25 bagi setiap pembelian.

Secara keseluruhannya, Bicara Ilmu sempena Program Turun Padang ke Arah Memasyarakatkan Koperasi 2023 (MasKop) sangat bermanfaat kepada para peserta dan dapat memberikan cetusan idea dan membuka minda anggota koperasi, usahawan dan masyarakat setempat supaya lebih cakna berkaitan pelaburan melalui simpanan emas.

CAWANGAN IPOH

Nor Fatimah Yahya
norfatimah@ikma.edu.my
IKMa Zon Tengah
(Cawangan Ipoh)

Program Turun Padang ke Arah Memasyarakatkan Koperasi (MasKop) Stesen Ipoh telah diadakan pada 17 Mac 2023 (Jumaat), bertempat di Hotel Casuarina@Meru, Ipoh, Perak. Program MasKop Stesen Ipoh telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk Mohd Ali bin Mansor, Ketua Pengarah Institut Koperasi Malaysia (IKMa). Program MasKop Stesen Ipoh merupakan program anjuran Institut Koperasi Malaysia Zon Tengah & Cawangan Ipoh.

Program MasKop merupakan antara program tahunan IKMa yang dijalankan pada setiap tahun. Objektif utama program MasKop ini merupakan inisiatif IKMa turun ke padang untuk memberi pendedahan kepada gerakan koperasi dan memberi kefahaman kepada masyarakat terhadap pentingnya peranan koperasi dalam membangunkan ekonomi komuniti dan negara khususnya. Program MasKop Stesen Ipoh merupakan program MasKop yang terakhir dilaksanakan pada tahun 2023 dengan kehadiran seramai 190 orang peserta. Sebanyak 29 program MasKop telah dilaksanakan di lokasi-lokasi yang telah dikenal pasti dengan jumlah penyertaan seramai 6140 orang peserta yang telah mula dilaksanakan pada Januari 2023. Manakala, program MasKop Stesen Ipoh merupakan program MasKop yang ke-2 dianjurkan di peringkat negeri Perak, selepas pelaksanaan program MasKop di Lumut, Perak pada 02 Februari 2023.



- ▶ Puan Rina Fairuz Jahya, Pegawai Latihan IKMa Zon Tengah turut menguar-uarkan program pendidikan dan yang ditawarkan oleh IKMa.

Seterusnya, program MasKop diteruskan dengan perkongsian daripada Timbalan Pengarah Zon Tengah, Institut Koperasi Malaysia mengenai peranan Institut Koperasi Malaysia (IKMa) dalam Memasyarakatkan koperasi & Taklimat Program IKMa pada tahun 2023 kepada peserta yang hadir. Selain itu, turut terlibat perkongsian daripada penceramah jemputan iaitu pihak SKM & ANGKASA mengenai peranan agensi-agensi dalam memasyarakatkan koperasi.

Selepas selesainya slot perkongsian daripada IKMa, SKM dan ANGKASA, berlangsungnya Majlis Perasmian Penutupan Program MasKop 2023 Stesen Ipoh yang telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Mohd Ali bin Mansor, Ketua Pengarah IKMa. Dalam ucapan perasmian, YBhg. Datuk Mohd Ali bin Mansor turut menyatakan statistik koperasi di negeri Perak. Beliau memaklumkan bahawa setakat 31 Disember 2022 (Sumber; SKM) gerakan koperasi di Perak merupakan negeri yang ke-3 tertinggi dengan bilangan sebanyak 1694 buah koperasi dan secara keseluruhan statistik gerakan koperasi di Malaysia adalah 15,315 buah koperasi. Beliau juga mengucapkan ucapan tahniah & syabas kepada 11



- ▶ Peserta yang hadir dalam kalangan gerakan koperasi.

buah koperasi yang telah tersenarai di dalam Top 100 Koperasi Terbaik yang dikeluarkan oleh pihak Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM).

Akhir kata, program MasKop Stesen Ipoh telah berjalan dengan lancar dan mendapat sambutan yang meriah daripada gerakan koperasi di Negeri Perak. Diharapkan perkongsian tersebut dapat memberi manfaat dan membuka ruang serta peluang kepada warga koperator untuk terus meneroka peluang perniagaan dan pasaran baru melalui sektor selain daripada sektor yang telah diceburi dan seterusnya menjadi pemangkin kepada pertumbuhan sosioekonomi anggota.

Selain itu, program ini juga dapat membantu untuk mempromosikan Cawangan yang baru ditubuhkan untuk memperluaskan lagi peranan IKMa sebagai pusat latihan dan pendidikan koperasi. Di Negeri Perak, telah diwujudkan satu cawangan khusus yang berpusat di Ipoh, berfungsi untuk memberi ruang dan juga peluang kepada koperator – koperator di seluruh Negeri Perak supaya dapat menghadiri program-program yang dianjurkan oleh IKMa.

HARI KOPERASI NEGARA 2022

Nor Fatimah Yahya
norfatimah@ikma.edu.my
IKMa Zon Tengah
(Cawangan Ipoh)



► Penyampaian Replika Cek Geran Bantuan Pembangunan Koperasi.



► Ucapan Perasmian oleh YAB Dato' Seri Saarani bin Mohamad, Menteri Besar Perak



► Sesi cabutan bertuah.

Hari Koperasi Negara peringkat Negeri Perak telah berlangsung pada 10 sehingga 12 Jun 2022. Tema sambutan HKN 22 pada kali ini adalah bersempena dengan sambutan 100 Tahun Gerakan Koperasi Malaysia iaitu "100 Tahun Gerakan Koperasi, Membangun Keluarga Malaysia". Program sambutan HKN22 Peringkat Negeri Perak, telah dirasmikan oleh oleh YAB Dato' Seri Saarani bin Mohamad, pada 11 Jun 2022 bertempat di Hotel Casuarina, Meru. Majlis Perasmian turut dihadiri oleh YBhg. Dato' Suriani binti Dato' Ahmad, KSU Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, YB Dato' Haji Zainol Fadzi bin Paharudin, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar, Pembangunan Usahawan dan Koperasi Negeri Perak dan YBhg. Datuk Mohd Ali bin Mansor, Ketua Pengarah IKMa.

Dalam majlis tersebut YAB Dato' Seri Saarani turut menyampaikan beberapa anugerah mengikut kategori, antaranya

adalah Anugerah Tokoh Koperasi Negeri Perak 2022 yang telah diterima oleh Tuan Haji Kasim bin Muhammad (Pengerusi Koperasi Orang Melayu Kerajaan (SKOMK) Perak Berhad), Anugerah Koperasi Terbaik Negeri Perak 2022 yang diterima oleh Koperasi Peserta-peserta Rancangan FELCRA Seberang Perak Berhad dan Anugerah Tokoh Guru Koperasi Negeri Perak 2022 yang diterima oleh Encik Sahuri bin Musa (Pengerusi Koperasi Maktab Rendah Sains Mara Parit Berhad).

Pada masa yang sama beberapa acara telah berlangsung di Bulatan Sultan Azlan Shah, Meru Raya antaranya sesi taklimat *pocket talk* dari agensi KUSKOP, pameran dan jualan dari beberapa buah koperasi dan usahawan. Pelbagai aktiviti yang menarik telah dijalankan seperti pertandingan boling kelapa, pertandingan kukur dan perah kelapa, pertandingan 'motosikal hensem' dan aktiviti mewarna. serta pelbagai pertandingan, cabutan bertuah dan kuiz yang diselenggarakan oleh

pihak Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) Perak.

Program sambutan HKN22 telah dimeriahkan dengan beberapa aktiviti kerohanian iaitu program forum yang disampaikan oleh Ustaz Syamsul Amri bin Haji Ismail yang bertajuk "Masyarakat Cakna, Koperasi Sejahtera". Para pengunjung turut dihidangkan dengan persembahan daripada kumpulan In-Team.

Selain itu, turut berlangsung program sembang santai 100 tahun gerakan koperasi dan usahawan yang terdiri daripada wakil koperasi dan usahawan bersama Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia Negeri Perak.

Secara keseluruhannya, program ini telah berjalan dengan lancar dan mendapat sambutan yang meriah daripada orang ramai. Kemeriahan program ini dapat dilihat melalui penglibatan masyarakat dalam pelbagai aktiviti dan pertandingan.

Seminar

“TRANSFORMASI RANTAIAN TANI NIAGA: PELUANG KOPERASI”

Nur Fatin Shazwani Ahmad
nurfatinshazwani@ikma.edu.my
IKMa Zon Sarawak



► Sesi gimik Pelancaran Program Teroka Sarawak Agro Lestari.

Dunia perniagaan tanpa sempadan kini memfokuskan berkenaan kepentingan rantaian nilai dalam perniagaan yang mahu diceburi oleh para peniaga. Ketersediaan produk dan perkhidmatan yang lebih bernilai atau sama nilai tetapi pada kadar harga yang lebih rendah kepada pelanggan akan memberi kelebihan persaingan dalam perniagaan kepada sesebuah organisasi. Oleh yang demikian, gerakan koperasi digesa untuk lebih berdaya saing dan proaktif sejajar dengan arus perubahan proses globalisasi dunia yang semakin pantas masa kini. Dalam menghadapi dunia perniagaan yang semakin “hypercompetitive”, gerakan koperasi perlu berfikir di luar kotak dan keluar dari zon selesa. Suasana atau landskap persekitaran global persekitaran yang berubah – ubah, kemunculan revolusi digital, perubahan persekitaran fizikal seperti perubahan iklim, bencana alam dan kehendak pelanggan yang semakin kompleks menjadi penanda aras kepada

koperasi untuk merubah strategi dan prasarana perniagaannya.

Melihat kepada cabaran dan perubahan persekitaran perniagaan semasa dalam sektor koperasi, Institut Koperasi Malaysia (IKMa) Zon Sarawak mengambil inisiatif untuk menganjurkan Program Seminar “Transformasi Rantaian Tani Niaga : Peluang Koperasi” pada 4 -5 Disember 2022 di Hotel Raia, Kuching yang lalu untuk berkongsi maklumat serta perkembangan semasa berkaitan transformasi rantaian perniagaan dalam tani niaga melalui perspektif koperasi untuk memastikan gerakan koperasi terus kekal relevan dan sesuai dengan peredaran semasa perniagaan.

Objektif program yang berlangsung selama dua hari ini adalah untuk menjelaskan tentang bidang perniagaan yang boleh diterokai oleh koperasi dengan menjurus kepada pendekatan rantaian nilai yang lebih berkesan di

samping mengenal pasti rantaian nilai yang paling sesuai diaplikasikan dan dipadankan dengan perniagaan yang diceburi oleh koperasi. Antara inti pati utama adalah memberi pendedahan berkenaan kepentingan pelaksanaan rantaian nilai dan impak rantaian nilai dalam perniagaan koperasi.

IKMa Zon Sarawak bawakan secara terus dengan menjemput barisan penceramah dan pemain industri berkaitan antaranya Kementerian Pertanian dan Asas Tani (MAFI, airasia grocer, Era Legacy Sdn Bhd, FELCRA Niaga Sdn Bhd dan NECTAR Consortium Sdn Bhd berkongsi pengalaman, pandangan dan peluang di pentas yang sama berkenaan dengan transformasi rantaian perniagaan. Turut berlangsung adalah sesi pelancaran aplikasi digital “Teroka Sarawak Agro Lestari” daripada pihak NECTAR Consortium oleh YB Datuk Dr. Abdul Rahman Ismail, Timbalan Menteri Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah Sarawak di mana ia dilihat sebagai satu bentuk peluang untuk memodenisasikan pertanian melalui aplikasi digital. Sambutan program dilihat sangat menggalakkan dengan menyaksikan seramai lebih 200 penyertaan dari seluruh Malaysia yang melibatkan koperator yang terlibat dalam bidang pertanian.

Diharap dengan penganjuran program seumpama ini mampu membuka mata dan minda para koperator mahupun usahawan untuk memperkasakan rantaian perniagaan untuk memastikan kelestarian perniagaan dapat di kecapai meskipun dalam keadaan ekonomi semasa agak perlahan. Semoga usaha murni IKMa Zon Sarawak akan menjadi titik tolak untuk koperasi terus bangkit dalam memastikan perniagaan koperasi kekal mampan dan berdaya saing melalui pengukuhan rantaian perniagaan.

MOTIVASI DIRI di Tempat Kerja

Hajar Azwin Hj Mohamad Ashi
azwin@ikma.edu.my
Pusat Pengurusan Perniagaan



► Bersama Coach Syawal dengan topik Sinergi dan keharmonian team.

Kakitangan merupakan aset penting dan faktor kejayaan bagi sesebuah organisasi. Kerjasama satu pasukan, minda dan gerak kerja kakitangan harus melalui anjakan paradigma untuk mendapat hasil yang luar biasa (outcome based). Sehubungan itu, kursus motivasi diri di tempat kerja dapat memberi pendedahan berkaitan kemahiran sendiri untuk peningkatan diri agar lebih berdaya maju. Justeru pada tahun 2022, Pusat Pengurusan Perniagaan (PPP) telah menjalankan kursus ini selama satu hari pada 11 Ogos 2022, bertempat di kampus utama Institut Koperasi Malaysia (IKMa), Petaling Jaya. Seramai 39 orang peserta telah menyertai kursus ini yang terdiri daripada Anggota Lembaga Koperasi, Juruaudit Dalam, barisan tenaga pengurusan dan anggota koperasi dari Wilayah Persekutuan, Selangor, Perak, Kedah, dan Johor.

Kursus motivasi ini dilaksanakan dengan menjemput tenaga pengajar daripada MREC Sdn. Bhd. yang merupakan syarikat berpengalaman memberikan motivasi di tempat kerja. Terdapat empat topik menarik sepanjang kursus dilaksanakan iaitu pengenalan motivasi diri, motivasi diri di tempat kerja, kompas diri dan

organisasi serta permainan pengurusan. Kursus ini dimulakan dengan sesi pertama oleh Encik Mohd Haniff bin Mohamad Hashim dari IKMa yang menerangkan tentang definisi motivasi dan kepentingan memotivasikan diri di tempat kerja.

Sesi berikutnya diserahkan kepada Dr. Nizam, penceramah daripada MREC Sdn Bhd yang membincangkan motivasi diri seorang majikan dalam organisasi. Beliau memulakan perbincangan dengan beberapa fakta menarik seperti untuk menjadi seorang usahawan yang berjaya memerlukan empat perkara iaitu kurang, baik, tambah dan cipta. Penjelasan yang baik iaitu kurangkan kos dan pembaziran pada operasi perniagaan, baik aktiviti perniagaan dengan mengenal pasti proses pembuatan/perkhidmatan yang mempunyai culas, Tambah baik perniagaan dengan mencipta idea baharu dan cipta suasana yang berbeza dengan melibatkan kakitangan bagi mencapai objektif koperasi bersama. Sesi ini melibatkan aktiviti membentuk aktiviti perniagaan bersama kumpulan yang telah diagihkan dan satu Bisnes Model Kanvas perlu dibuat bagi setiap kumpulan.

Pada sesi sebelah petang pula, peserta bersama-sama mengenali personaliti diri bersama Encik Syawal. Peserta perlu menjawab sebanyak 100 soalan dalam masa kurang 10 minit untuk menguji personaliti dengan menjawab soalan mudah yang berkait rapat dengan kehidupan harian. Setelah peserta menjawab soalan, peserta perlu berkumpul mengikut warna personaliti yang terdapat dalam kertas soalan mengikut markah paling tinggi. Terdapat empat personaliti melalui warna yang digambarkan iaitu biru, jingga, hijau dan emas. Kemudian, peserta diberikan tugas ringkas oleh coach Syawal dan perlu membincangkan bersama kelas kemudiannya.

Kesimpulan daripada dua aktiviti tersebut, aktiviti pertama menjelaskan setiap majikan perlu melibatkan kakitangan dalam menjana idea supaya pekerja lebih bermotivasi dengan mengetahui visi, misi dan objektif yang koperasi ingin capai. Melalui aktiviti kedua pula, apabila seseorang itu mengenali keperibadian diri dan individu di hadapannya, maka, lebih mudah untuk pekerja mengenal pasti kelebihan dan kelemahan yang boleh diperbaiki sepanjang di tempat kerja.

Secara keseluruhannya, program ini dapat mencapai matlamat penganjurannya dan bukan sekadar memberikan pendedahan, tetapi juga dapat meningkatkan pengetahuan peserta mengenai pentingnya mengetahui tanggungjawab dan peranan mereka terhadap organisasi. Selain itu, semangat kerja berkumpul dapat membantu menyelesaikan masalah dengan lebih mudah berbanding membuat kerja secara solo.

INSPIRASI SUKUR, OKU TAPI OK

Abdul Hakim Zaidi
hakim@ikma.edu.my
IKMa Zon Timur
(Cawangan Kuala Terengganu)

Tanggal 7 November 2022, bertempat di Dewan Kuliah Utama, Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin Dungun, Terengganu telah diadakan Bicara Ilmu "Inspirasi Sukur, OKU Tapi Ok" yang telah dianjurkan oleh Institut Koperasi Malaysia Zon Timur (Cawangan Kuala Terengganu). Program ini berlangsung dari jam 9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari yang telah disampaikan oleh motivator dan usahawan terkenal iaitu Tuan Mohd Sukur bin Ibrahim atau lebih dikenali sebagai "Sukur Ibrahim".

Program ini telah dihadiri oleh 380 orang peserta daripada kakitangan pelbagai agensi dan jabatan, koperator dan usahawan dari sekitar daerah Dungun, Terengganu. Antara objektif program yang memberi impak kepada peserta bicara ilmu adalah untuk mengubah mentaliti koperator daripada usahawan biasa menjadi luar biasa, meningkatkan

semangat usahawan koperasi agar tidak mudah putus asa dan menerapkan semangat jati diri dengan melihat potensi diri bukan kekurangan diri agar koperator dapat meningkatkan potensi koperasi kepada gerakan koperasi di Malaysia.

Sejurus sahaja tamat program, Majlis Perasmian Penutupan Bicara Ilmu "Inspirasi Sukur, OKU Tapi Ok" telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Wira (Dr.) Rosli bin Mat Hassan, Mantan Pengerusi Institut Koperasi Malaysia (IKMa) dan turut sama hadir dalam majlis tersebut, YBhg. Dato' Dr. Haji Din bin Adam, Pengerusi Majlis Pembangunan Usahawan dan Koperasi Parlimen (MPUKP) Dungun merangkap Pengerusi Giat Mara Malaysia, Ustaz Haji Nurhisam Johari Al-Hafiz, Penolong Hal Ehwal JHEA Negeri Terengganu, Encik Mohd Zaib bin Mat Yunus, Timbalan Ketua

Pengarah Pembangunan Modal Insan (PMI) IKMa, Tuan Haji Mohamed Yusoff, Pengerusi Angkasa Negeri Terengganu serta para koperator dan usahawan di sekitar Daerah Dungun.

Dalam majlis yang sama, turut diadakan simbolik penyerahan beg makanan IKMa Prihatin oleh YBhg. Datuk Wira (Dr.) Rosli kepada wakil penerima daripada Pertubuhan Kebajikan Perwarisan Asnaf Pantai Timur. IKMa telah menyumbang sebanyak 100 beg makanan untuk diedarkan kepada golongan asnaf dan kurang berkemampuan di sekitar daerah Dungun.

Secara keseluruhannya, program ini adalah langkah tepat dalam menyuntik semangat dan memberi inspirasi kepada peserta untuk bangkit dan menjadi insan luar biasa dalam kehidupan.



► Perkongsian oleh penceramah Tuan Mohd Sukur bin Ibrahim.



► Sambutan yang amat menggalakkan daripada koperator.



Kursus Piawaian

Prosedur Operasi (SOP)

Aktiviti Perniagaan

Dinah Nabilah Mokhtaruddin
dinah@ikma.edu.my
Pusat Pengurusan Perniagaan

Pusat Pengurusan Perniagaan (PPP) telah menganjurkan Kursus Piawaian Prosedur Operasi (SOP) Aktiviti Perniagaan pada 13 Februari 2023 yang lalu bertempat di Institut Koperasi Malaysia (IKMa) Petaling Jaya. Kursus ini diadakan untuk memberi penerangan tentang kepentingan prosedur aktiviti perniagaan dalam meningkatkan produktiviti, memberi pemahaman berkaitan panduan penyediaan prosedur aktiviti perniagaan dan memberi tatacara dalam membangunkan manual piawaian prosedur operasi (SOP) aktiviti perniagaan.

Kursus yang diadakan selama sehari ini dimulakan dengan sesi

pengenalan kepada para peserta apakah yang dimaksudkan dengan SOP? Kepentingannya kepada koperasi dan peserta juga didedahkan dengan perbezaan di antara Piawaian Prosedur Operasi (SOP) dengan aturan koperasi. Sesi seterusnya, para peserta mempelajari tentang tatacara penyediaan Piawaian Prosedur Operasi (SOP) yang disampaikan oleh Puan Hajar Azwin Mohamad Ashi, Pegawai Latihan Pusat Pengurusan Perniagaan. Sesi ini memberikan peluang terutamanya kepada koperasi yang baru untuk membuat SOP dalam aktiviti perniagaan koperasi. Pada sesi yang terakhir, para peserta dikehendaki untuk membuat satu Piawaian Prosedur

Operasi (SOP) aktiviti yang berkaitan dengan koperasi masing-masing dan membentangkannya di hadapan kelas sebagai sesi pembelajaran untuk melihat kefahaman peserta dalam penyediaan SOP ini.

Sebagai kesimpulannya, kursus ini sangat penting untuk para koperator kerana selain dapat memberi kefahaman kepada para peserta tentang kepentingan wujudnya piawaian prosedur operasi (SOP) dalam meningkatkan produktiviti aktiviti perniagaan koperasi ia juga dapat meleraikan kekeliruan di antara penggunaan SOP dan juga Aturan Koperasi.

KURSUS ASAS KEUSAHAWANAN KOPERASI

Mohamad Haniff Mohamad Hashim
haniff@ikma.edu.my
Pusat Pengurusan Perniagaan



► Antara peserta kursus asas keusahawanan koperasi di Star City Hotel, Alor Star.

Kursus Asas Keusahawanan Koperasi telah dijalankan di Star City Hotel, Alor Setar, Kedah pada 1-2 Mac 2023. Kursus ini dianjurkan oleh Pusat Pengurusan Perniagaan (PPP) dan telah dihadiri oleh 30 orang peserta yang terdiri daripada anggota dan Anggota Lembaga Koperasi. Kursus ini dihadiri oleh mereka yang terlibat dalam perniagaan koperasi seperti penternak ikan, pengeluar produk, usahawan koperasi dan lain-lain. Penceramah

program ini ialah Pegawai Latihan dari Pusat Pengurusan Perniagaan iaitu Encik Mohamad Haniff bin Hashim dan Cik Dinah Nabilah binti Moktharuddin. Selain itu, Encik Hamzah bin Kasim iaitu Pegawai Latihan Zon Utara juga turut diundang untuk mengendalikan salah satu slot dalam program ini.

Kebanyakan peserta yang hadir adalah mereka yang menetap di negeri utara seperti Kedah, Pulau Pinang dan

Perak dan tujuan menghadiri kursus ini untuk mempelajari bagaimana menjadi seorang usahawan yang baik dan cemerlang. Mereka diterapkan dengan pengetahuan dan kemahiran berkaitan keusahawanan, kewangan dan pengurusan perniagaan. Antara pengisian program ini adalah berkaitan pengenalan perniagaan, membangunkan Rancangan Perniagaan, merangka Model Perniagaan Canvas (BMC), pemasaran dan jualan, pengurusan operasi, kewangan dan keuntungan perniagaan, dan sebagainya.

Kursus ini membolehkan peserta melengkapkan diri untuk menjadi seorang usahawan yang baik. Antara pengisian program ini ialah berkaitan persediaan menjadi usahawan, tatacara mengendalikan perniagaan dengan baik, merangka strategi perniagaan melalui Rancangan Perniagaan dan BMC, kemahiran memasarkan produk dan lain-lain. Diharap dengan pelaksanaan program ini akan dapat membantu anggota dan Anggota Lembaga Koperasi untuk lebih berpengetahuan dan berkemahiran dalam menguruskan perniagaan mereka.

BENGGKEL PEMASARAN DAN PEMETAAN ASET PELANCONGAN *HOMESTAY* SERTA KUTIPAN DATA

Hajar Azwin Hj Mohamad Ashi
azwin@ikma.edu.my
Pusat Pengurusan Perniagaan



Bengkel Pemasaran dan Pemetaan Aset Pelancongan Homestay serta kutipan data telah diadakan di homestay milik Koperasi Kampung Melayu Tebakang Berhad di Serian, Sarawak tanggal 1 November 2022 yang lalu. Sebanyak tiga koperasi homestay yang diuruskan oleh koperasi telah menghadiri program ini. Objektif bengkel ini adalah memberi pendedahan tentang kaedah dan kemahiran mengenal pasti produk pelancongan yang berpotensi untuk dipasarkan oleh pihak koperasi bagi memantapkan perniagaan homestay koperasi. Tambahan lagi, bengkel ini juga membuka peluang kepada koperasi untuk memasarkan aktiviti homestay secara dalam talian. Bengkel ini juga disasarkan kepada koperasi yang terlibat secara langsung dengan operasi perniagaan homestay yang berdaftar dengan MOTAC. Di samping itu, Puan Juliana yang juga selaku ketua penyelidik IKMa bagi Kajian Keberkesanan Latihan Modal Insan dalam Memperkasa Ekonomi Koperasi yang Menjalankan Perniagaan Homestay

memohon peserta yang juga wakil koperasi sebagai responden menjawab borang soal selidik kajian dibantu bersama kumpulan penyelidik lain.

Setelah selesai sesi penerangan dan menjawab borang soal selidik bersama kumpulan penyelidik, peserta diminta untuk berada dalam satu kumpulan homestay yang sama dan membincangkan aset pelancongan yang ada di sekitar homestay koperasi. Bagi aktiviti ini, peserta dibekalkan sticker note, marker pen, dan peta aset pelancongan yang mempunyai sembilan aspek yang diketengahkan untuk dibincangkan bersama ahli kumpulan. Peserta kemudiannya, diberikan selama 15 minit untuk pembentangan dan sesi soal jawab bersama peserta homestay yang lain. Tujuan sesi ini adalah untuk memberi gambaran yang jelas pada peserta homestay, apakah aset sedia ada di sekitar komuniti dan boleh dikembangkan menjadi potensi aktiviti perniagaan homestay.



▶ Peserta daripada Koperasi Homestay Kampung Melayu Tebakang Berhad sedang membentangkan kerja kumpulan.



▶ Puan Juliana sedang memberi penerangan berkaitan pelancongan homestay.

Program seterusnya dikendalikan oleh Encik Muzaffar bin Basarudin dari hoocay.com bagi sesi taklimat berkaitan pemasaran secara dalam talian. Menurut beliau, laman sesawang dibangunkan semenjak tahun 2018 adalah dibuat untuk memasarkan tempat pelancongan berkonsepkan homestay ke antarabangsa. Antara penerangan menarik beliau, homestay akan mendapat pemasaran secara percuma seperti pembikinan video promosi dan iklan di laman sesawang

hoocay bagi homestay berdaftar bersama Hoocay.com. Tambahan pula, Malaysia mempunyai pelbagai budaya yang unik dan menarik, tetapi disebabkan kurangnya pemasaran yang meluas, aktiviti pelancongan homestay tidak dikenali ramai.

Bengkel ini sangat baik untuk koperasi yang mengendalikan aktiviti homestay kerana peserta didedahkan dengan bagaimana untuk memasarkan produk

dan perkhidmatan aktiviti pelancongan dan bukan itu sahaja, koperasi dapat membincangkan keunikan tempat, budaya dan komuniti bersama-sama tuan rumah, pengurusan koperasi dan peniaga produk hiliran yang terpilih di komuniti homestay masing-masing. Dengan itu, koperasi, tuan rumah dan usahawan produk hiliran dapat bersama-sama merancang aktiviti perniagaan baru dan sekali gus merebut peluang yang ada di sekeliling homestay.



▶ Peserta daripada Koperasi Homestay Santubung Berhad mengambil gambar kenangan bersama Peta Aset Pelancongan Komuniti yang telah dibincangkan bersama.



▶ Encik Muzaffar basirudin daripada hoocay.com sedang memberikan taklimat pemasaran secara dalam talian.

Majlis

PENGANUGERAHAN SEPKo & SESKo

Nur Syazwani Zainul Abidin
nursyazwani@ikma.edu.my
Pusat Pendidikan Tinggi



Peserta SESKo sesi 2022.



► Peserta SEPKo sesi 2022.

Pusat Pendidikan Tinggi Institut Koperasi Malaysia (IKMa) telah mengadakan Majlis Penganugerahan Sijil Eksekutif Pengurusan Koperasi (SEPKo) dan Sijil Eksekutif Setiausaha Koperasi (SESKo) pada 7 Mac 2023 yang lalu di Hotel Crystal Crown Petaling Jaya. Majlis telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk Mohd Ali bin Mansor, Ketua Pengarah IKMa, Majlis ini bermula jam 2.00 petang dengan kehadiran seramai 100 orang tamu.

Program sijil ini adalah berdasarkan bidang tujuhan ketiga Pelan Transformasi Koperasi 2021-2025 (TransKoM) yang menekankan kepada aspek pengukuhan bakat dan pembangunan modal insan bagi mewujudkan modal insan berpengetahuan, berinovasi, berintegriti dan berdaya maju. Sehubungan itu, program sijil ini berupaya untuk meningkatkan kompetensi dan melahirkan tenaga profesional dalam koperasi. Secara tidak langsung,

pengetahuan dan kemahiran yang diperoleh oleh peserta berupaya menjadi pemangkin kepada prestasi dan tata kelola koperasi yang lebih baik dan berintegriti.

Majlis Penganugerahan Sijil Eksekutif ini diadakan bagi meraikan kumpulan pertama seramai 38 orang peserta iaitu 13 orang peserta Sijil Eksekutif Pengurusan Koperasi dan 25 orang peserta Sijil Eksekutif Setiausaha Koperasi yang

telah berjaya menamatkan program sijil ini yang mengambil masa selama lima hingga enam bulan pengajian. Peserta yang mengikuti dua program sijil ini mewakili 29 buah koperasi dari seluruh negara (termasuk Sabah dan Sarawak). Koperasi yang menyertai program ini terdiri daripada lapan koperasi kluster besar dan lima koperasi kluster sederhana manakala selebihnya

ialah koperasi berkluster kecil dan mikro. Anugerah peserta terbaik turut diberikan kepada Encik Hamid bin Haji Saad dari Sijil Eksekutif Pengurusan Koperasi yang mewakili Koperasi Pegawai-Pegawai Kerajaan Bandar Baharu Kedah Berhad dan Encik Jamaludin bin Md Isa dari Sijil Eksekutif Setiausaha Koperasi yang mewakili Koperasi Telekom Malaysia Berhad.

Turut hadir ke majlis ialah Encik Amran bin Abdul Kadir, Timbalan Pengerusi Eksekutif (Dasar dan Pembangunan) Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Encik Tun Yazli Hismul Asri Yaacob, Naib Presiden Kanan MSME & Koperasi Bank Rakyat, Encik Mohd Zaib bin Mat Yunus dan Puan Hamidah binti Mohd Jos, Timbalan Ketua Pengarah IKMa serta Pengarah-pengarah Kanan dan Pengarah-pengarah IKMa.



► Peserta Terbaik SESKo - Encik Jamaludin Md Isa.



► Peserta Terbaik SEPKo - Encik Hamid Haji Saad.



► Para peserta Sijil Eksekutif Pengurusan Koperasi & Sijil Eksekutif Setiausaha Koperasi

IKMa, UKM ANJUR PROGRAM GRADUAN KOPERASI (G2K)

Nur Syazwani Zainul Abidin
nursyazwani@ikma.edu.my
Pusat Pendidikan Tinggi

Pusat Pendidikan Tinggi, Institut Koperasi Malaysia (IKMa) dengan kerjasama Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) telah menganjurkan Kursus Pemasaran Digital dan Kursus Komunikasi & Keterampilan Diri yang telah berlangsung selama 5 hari dari 6 - 10 Mac 2023 bertempat di IKMa, Petaling Jaya dan dihadiri oleh 21 orang pelajar tahun akhir Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, UKM sebagai persediaan latihan industri di koperasi terpilih. Para pelajar ini di tempatkan di lima buah koperasi besar dan agensi yang terlibat dengan koperasi seperti ANGKASA dan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) di sekitar Lembah Klang dan Selangor.

Kursus yang dilaksanakan ini adalah bertepatan dengan objektif program

Graduan ke Koperasi (G2K) IKMa iaitu untuk memberi nilai tambah kepada para graduan dari aspek pengetahuan dan kemahiran dalam bidang koperasi untuk melibatkan diri dalam gerakan koperasi serta memupuk dan menerapkan minda keusahawanan kepada graduan secara praktikal melalui latihan industri di koperasi terpilih.

Kursus Pemasaran Digital yang berlangsung selama 3 hari bermula pada 6 - 8 Mac 2023 dengan tenaga pengajar dari Institut Koperasi Malaysia serta penceramah jemputan iaitu Encik Mohd Farhan bin Jamaludin yang menyampaikan tajuk "Teknik & Strategi Copywriting dalam Pemasaran" serta Puan Nurafira binti Abdul Aziz bagi menyampaikan tajuk "Pemasaran TikTok

Perniagaan". Kursus selama tiga hari ini menumpukan pengetahuan dan kemahiran dalam pemasaran digital yang dapat digunakan di koperasi. Kursus ini diteruskan lagi selama dua hari iaitu 9 - 10 Mac 2023 dengan kursus Komunikasi & Keterampilan Diri yang telah disampaikan oleh Dr. Anuar bin Ali yang merupakan pensyarah di Universiti Teknologi Mara. Dr. Anuar Ali telah menyampaikan tajuk "Strategi Mudah dapat Kerja dan Keterampilan Diri" iaitu pelajar diberikan pengetahuan bagi persediaan ke alam pekerjaan. Pada akhir kursus, majlis penyampaian sijil telah disampaikan oleh Puan Najmah binti Nawawi, Pengarah Kanan Bahagian Pembangunan dan Perundingan Koperasi.



▶ Para pelajar bersama Dr. Anuar usai tamat kursus komunikasi dan keterampilan diri.



▶ Pelajar bersama Puan Najmah Nawawi, Pengarah Kanan setelah penyerahan sijil.

Kursus Potensi DOBI LAYAN DIRI

Mohamad Haniff Mohamad Hashim
haniff@ikma.edu.my
Pusat Pengurusan Perniagaan

▶ Antara mesin dobi yang ada di kedai dobi layan diri Kampung Melayu Subang.

Kursus Potensi Dobi Layan Diri telah dijalankan pada 13-14 Mac 2023 bertempat di Institut Koperasi Malaysia (IKMa) Petaling Jaya. Kursus ini dianjurkan oleh Pusat Pengurusan Perniagaan (PPP) dan telah dihadiri oleh 25 orang peserta yang terdiri daripada anggota dan Anggota Lembaga Koperasi.

Antara pengisian program ini adalah pengenalan kepada perniagaan dobi layan diri, susun atur kedai, pemilihan pembekal, spesifikasi mesin dan peralatan, penyelenggaraan dan bajet serta aspek pemasaran kedai dobi. Taklimat program disampaikan oleh Encik Zakri bin Ariffin yang merupakan seorang yang mempunyai pengalaman luas mengendalikan perniagaan dobi layan diri selama 20 tahun.

Kebanyakan peserta yang menghadiri kursus ini untuk mempelajari selok-belok perniagaan dan cabaran mengendalikan dobi layan diri. Banyak soalan yang dikemukakan peserta khususnya berkaitan dengan potensi melaksanakan perniagaan ini. Antara perkara yang perlu diambil kira dalam menjalankan aktiviti perniagaan dobi layan diri ini ialah pemilihan lokasi, penggunaan mesin dan peralatan, sasaran pelanggan, pemilihan



▶ Penceramah memberikan taklimat berkaitan pengendalian mesin dobi.

pembekal dan sebagainya. Satu lawatan juga telah dijalankan di kedai dobi layan diri kawasan Kampung Melayu Subang bagi memastikan peserta mendapat pendedahan secara terus berkaitan pelaksanaan perniagaan ini. Hal ini juga membolehkan para peserta menerima pendedahan secara praktikal dan berpeluang bertanyakan soalan secara terus kepada penceramah program.

Rata-rata peserta merasakan kursus yang berbentuk praktikal ini perlu diperluas agar dapat memberi pemahaman yang lebih mendalam kepada koperasi. Kursus sebegini seharusnya diperbanyakkan dan dijadikan salah satu contoh perniagaan yang boleh dijalankan oleh koperasi. Selain itu, antara kursus berbentuk praktikal yang ditawarkan oleh Pusat Pengurusan Perniagaan ialah berkaitan bakeri, pes makanan, pembuatan ais krim, pembuatan makanan sejuk beku, potensi stokis dan *dropship*, dan lain-lain.



▶ Penerangan bersama antara pemilik dobi dan penceramah kursus.



► Aktiviti Hiking ke air terjun Pulau Banggi.

Sebagai sebuah pusat latihan yang sentiasa menawarkan program yang relevan dengan keperluan koperasi, Institut Koperasi Malaysia (IKMa) Zon Sabah dengan kerjasama Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) Wilayah Kudat telah menganjurkan Bengkel Pembangunan Produk Perkhidmatan Pelancongan pada 14 hingga 16 Mac 2023 bertempat di Dewan Terbuka Koperasi Perusahaan Sarang Burung Walet, Pulau Banggi Kudat. Bengkel ini dilaksanakan secara teori serta praktikal dan telah dikendalikan oleh Encik Rosli bin Abdulah yang merupakan jurulatih bertauliah bagi program kemahiran perkhidmatan pelancongan kembara dan lasak. Puan Norawati binti Ngatmin, Encik Yusri bin Tarip dan Encik Ahmaddian bin Abdul Kassim (Ketua Cawangan SKM Wilayah Kudat) bertindak sebagai fasilitator sepanjang program. Sebanyak

BENGGEL PEMBANGUNAN PRODUK PERKHIDMATAN PELANCONGAN

Norawati Ngatmin
norawati@ikma.edu.my
IKMa Zon Sabah

lapan buah koperasi dengan penyertaan seramai 40 orang peserta terdiri daripada Anggota Lembaga Koperasi (ALK), anggota dan kakitangan koperasi yang terlibat dalam aktiviti pelancongan lasak dan kembara berasaskan alam semula jadi telah menyertai program ini.

Objektif program ini:

- i. Mendedahkan koperasi kepada peluang perniagaan dalam bidang pelancongan alam semula jadi di Malaysia;
- ii. Memberikan pengkhususan latihan bagi meningkatkan kemahiran dalam memberi perkhidmatan jurupandu pelancongan kembara kepada pelancong;
- iii. Menambah baik amalan pengurusan aktiviti dan lokasi pengembaraan alam semula jadi serta prosedur keselamatan mengikut piawaian dalam negeri dan luar negara;
- iv. Memberi nilai tambah terbaik melalui pengiktirafan badan luar terhadap piawaian keselamatan produk dan perkhidmatan koperasi; dan



► Bergambar bersama peserta bengkel.



► Bergambar bersama peserta dalam salah satu produk pelancongan iaitu aktiviti hiking.

v. Membuka jaringan kerjasama antara koperasi di negeri Sabah dalam aktiviti pelancongan pengembaraan alam semula jadi.

Antara aktiviti yang dilaksanakan sepanjang program adalah taklimat pengenalan kepada pelancongan kembara dan rekreasi luar, pengurusan alam sekitar, teori pembangunan data penilaian risiko untuk pelancongan kembara. Selain itu program ini turut memberi pendedahan kepada koperasi dalam pembangunan produk perkhidmatan pelancongan seperti

Klinik *Hammock*, *team building* dan pembangunan produk teknikal. Peserta juga dibahagikan kepada beberapa kumpulan untuk sesi sumbang saran bagi melengkapkan tugas kumpulan iaitu untuk membangunkan Pakej Produk Perkhidmatan Pelancongan Kembara dan Rekreasi Luar koperasi.

Melalui penganjuran program ini, peserta dapat menambah baik amalan pengurusan aktiviti dan lokasi perkhidmatan koperasi dan membangunkan Pakej Produk Pelancongan Kembara dan Rekreasi

Luar. Para peserta telah memberikan maklum balas yang positif terhadap pengisian program ini dan menyatakan bahawa program ini telah berjaya membuka minda koperasi terhadap aspek keselamatan. Selain itu program ini turut berjaya mencetus idea bagi penambahan tawaran perkhidmatan aktiviti pelancongan lain seperti '*hammock*', '*camp site*', '*hiking*', '*tree house*', *kayak* dan '*team building*' untuk pelajar sekolah serta organisasi swasta dan kerajaan disebabkan oleh kesesuaian lokasi koperasi dalam menawarkan aktiviti tersebut.



► Coach Rosli membuat demo memasang Hammock bersama peserta.



► Peserta Program semasa sesi ceramah.



► Praktikal memasang Hammock.



► Sesi Pembentangan Penyediaan Pakej Pelancongan Kembara.

BELIA MADANI: BERIKAN 10 ORANG PEMUDA PASTI KUGONCANG DUNIA KOPERASI

Hamzi Fathul Zulwaqar Muhamad
hamzi@ikma.edu.my
Pusat Pendidikan Tinggi



► Perkongsian daripada Tuan Saiful Azhar Pengerusi Koperasi Koprojaya.



► Perkongsian daripada Tuan Azri Zahier, Pengasas minuman Hausboom.



► Perkongsian daripada Ustaz Syed Putra Haizam, Pengurus Operasi Creative Warrior.

Belia Madani: Berikan 10 Orang Pemuda Pasti Kugoncang Dunia Koperasi merupakan salah satu program yang telah dianjurkan oleh Pusat Pendidikan Tinggi, Institut Koperasi Malaysia (IKMa). Program yang berlangsung pada 16 Mac 2023 di Hotel Mardhiyyah, Shah Alam telah berjaya mendapat sambutan golongan muda dan dihadiri seramai 180 orang peserta yang terdiri dari koperasi siswa IPTA dan

IPTS. Golongan muda yang berkhidmat bersama koperasi di seluruh Malaysia turut tidak dikecualikan untuk menyertai program ini. Merujuk Kamus Dewan Edisi Keempat, perkataan 'madani' berasal daripada bahasa Arab yang bererti kemajuan dari sudut pemikiran, spiritual, dan material, serta upaya untuk membentuk masyarakat dengan nilai-nilai murni dalam keluarga, kurikulum, dan pembangunan masyarakat. Sehubungan

dengan itu, objektif program ini diadakan untuk memberikan pemahaman kepada generasi muda dan anggota koperasi tentang potensi golongan muda dalam dunia koperasi, mengembangkan idea-idea perniagaan baharu yang dapat membantu koperasi dan golongan muda. Seterusnya, memberi pendedahan strategi perniagaan alaf madani kepada para belia dan koperasi yang mampu meningkatkan prestasi. Justeru, program



► Sebahagian peserta yang terdiri daripada koperasi Siswa IPTA dan IPTS.

ini dilihat sebagai batu loncatan dalam menarik minat golongan muda untuk melibatkan diri dalam gerakan koperasi di Malaysia.

Program bicara ilmu kali ini berkait rapat dengan bidang Tujahan 3 Pelan Transformasi Koperasi Malaysia (TransKoM) iaitu pengukuhan bakat dan pembangunan modal insan dalam melahirkan modal insan yang produktif dan berilmu dengan menarik minat golongan belia sebagai tenaga kerja, pelapis dan agen perubahan kepada gerakan koperasi Malaysia. Selain

itu, melalui program ini gabungan pendedahan pengalaman dari koperasi yang disampaikan oleh Tuan Saiful Azhar (Pengerusi Koprojaya) bertajuk "Koperasi Masa Depan Orang Muda?" dan Perkongsian dari pemain industri yang berpengalaman Tuan Azri Zahier (Pengasas The Boom) yang lebih mendalam mengenai strategi perniagaan dan senario usahawan di Malaysia. Seterusnya, perkongsian daripada Ustaz Syed Putra Haizam dari sudut rohani dengan membahaskan topik yang menekankan konsep berkoperasi dalam Islam berdasarkan pada zaman

Rasulullah SAW dan strategi kejayaan Islam suatu ketika dahulu menakluki 2/3 dunia dengan kesatuannya, pendidikan dan ekonomi.

Secara keseluruhannya, program ini dapat membuka lembaran yang baharu hubungan antara Institut Koperasi Malaysia, koperasi dan belia. Kewujudan IKMa di mata mereka mampu membina keyakinan bahawa koperasi dan belia tidak berada keseorangan dalam menempuh arena perniagaan pada zaman kini.



► Urus setia bergambar bersama penceramah.

SOFTLANKAN HATIMU

Norawati Ngatmin
norawati@ikma.edu.my
IKMa Zon Sabah



► YBM bergambar bersama peserta program.

Institut Koperasi Malaysia Zon Sabah (IKMa Zon Sabah) telah menganjurkan Program Bicara Ilmu Ramadan bertajuk “Softlankan Hatimu” bertempat di Hotel Hilton, Kota Kinabalu, Sabah pada 06 April 2023 yang lalu. Majlis perasmian penutupan program tersebut telah disempurnakan oleh YB Datuk Ewon Benedick, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi Malaysia. Manakala ucapan alu-aluan disampaikan oleh YBhg. Datuk Mohd Ali bin Mansor, Ketua Pengarah IKMa. Seramai 273 orang peserta telah menghadiri program tersebut, melebihi sasaran awal seramai 150 orang. Para peserta yang hadir terdiri

daripada Anggota Lembaga Koperasi (ALK), Jawatankuasa Audit Dalaman (JAD), anggota koperasi, pengurusan dan kakitangan koperasi, usahawan dan individu dari sekitar daerah Kota Kinabalu. Tetamu kehormat yang turut hadir dalam program ini ialah ketua dan wakil agensi di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) iaitu Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), SME Bank, SME Corporation Malaysia (SME Corp), TEKUN Nasional, Bank Kerjasama Rakyat, Perbadanan Nasional Berhad (PERNAS), Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM), Pusat Khidmat Kontraktor Negeri Sabah (PKK) dan

Angkatan Koperasi Kebangsaan (ANGKASA).

Objektif penganjuran bicara ilmu pada kali ini adalah untuk menghayati kepentingan, keberkatan, tuntutan dan cabaran beramal sepanjang bulan Ramadan. Selain itu, peserta mendapat motivasi dalam meningkatkan semangat dalam beramal dan seterusnya kesedaran kewajipan dan tanggungjawab bukan sahaja sesama manusia tetapi tanggungjawab yang lebih abadi kepada Allah SWT. Begitu juga lumrahnya berkoperasi, kekuatan jati diri dan hati yang suci atau “bona fide”



► Sesi ceramah oleh penceramah jemputan.

adalah diperlukan untuk memastikan perjalanan dan hala tuju objektif koperasi itu tercapai dengan pimpinan Anggota Lembaga Koperasi yang berdedikasi. Bukan sahaja memberikan hasil yang halal kepada pendapatan koperasi malah turut memelihara sosioekonomi anggota.

Penceramah yang diundang khas bagi mengupas tajuk bicara ilmu kali ini ialah Ustaz Dr. Nur Mohammad Hadi Zahalan merupakan Pengasas atau Pengerusi Eksekutif Akademi Al Bayan Global Sdn.

Bhd. Program ceramah bermula pada jam 4.00 petang, majlis berbuka puasa bersama peserta dan diakhiri dengan ucapan perasmian penutupan.

Sesi ceramah "Soflankan Hatimu" berakhir pada pukul 6.00 petang. Sementara menunggu majlis berbuka puasa, penceramah membaca zikir dan selawat ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW bersama-sama peserta program. IKMa Zon Sabah turut menyelitkan program khidmat

masyarakat (CSR) iaitu penyampaian sumbangan kebajikan berupa wang tunai berjumlah RM2,000.00 setiap satu kepada enam badan bukan kerajaan di kawasan Kota Kinabalu iaitu Madrasah Darul Hadis Darsa Sabah, Persatuan Orang Kerdil Sabah (PROKESA), Sekolah Rendah Islam Kota Kinabalu (SRI KK), Society For The Prevention Of Cruelty To Animals Kota Kinabalu (SPCA KK), Masjid Al Fattah IPD Penampang dan Pertubuhan Kadazan Dusun Murut Muslim Semalaysia (KDMRS). Sumbangan telah disampaikan kepada setiap wakil badan-badan bukan kerajaan ini oleh YB Datuk Ewon Benedick. Majlis bergambar juga telah diadakan dengan penerima sumbangan CSR, seluruh warga kerja IKMa Zon Sabah dan peserta yang hadir.

Rumusan daripada program ini para koperator dan usahawan terdedah kepada pengetahuan dalam menghayati dan beramal menunaikan kewajipan yang dituntut dan seterusnya membentuk kelembutan dan kekuatan hati yang utuh demi kesatuan umat dalam gerakan koperasi.



► YBM bergambar bersama penerima CSR.

KOMUNIKASI BERPENGARUH PEMBUKA REZEKI, MERINTIS KEJAYAAN

Syarifah Rohaya Wan Idris
syarifah@ikma.edu.my
IKMa Zon Sarawak Cawangan Miri



► Penceramah PU Ris - "Marah Itu Mudah, Tetapi Sabar Itu Lebih Indah"

"Halangan komunikasi yang boleh timbul bukan sahaja di dalam mesyuarat malah juga daripada pihak atasan ke pihak bawahan seperti komunikasi bertujuan untuk memberi arahan kerja, prosedur tugas dan maklum balas kepada pihak bawahan. Perkara ini juga boleh berlaku dalam kumpulan pengurusan dan pentadbiran serta daripada pihak bawahan ke pihak atasan. Faktor-faktor halangan boleh wujud daripada persekitaran dan sikap yang negatif seperti panas baran dan mudah melepaskan kata-kata negatif kepada pihak lain lantas menimbulkan prasangka dan menghalang komunikasi yang berkesan terus berlaku. Perasaan

takut untuk menyuarakan pendapat juga membantutkan komunikasi. Selain itu juga, khabar angin yang tidak baik boleh menimbulkan salah faham dan mencetuskan pertelingkahan lalu menjejaskan prestasi koperasi untuk bersatu hati menjayakan objektifnya. Oleh itu, tanpa komunikasi yang berkesan, tidak akan wujud perpaduan dan persefahaman dalam sesebuah koperasi yang akhirnya menyebabkan koperasi tidak mampu bertahan dan maju ke hadapan".

Justeru, atas kesedaran ke arah mewujudkan perpaduan dan kesatuan dalam kalangan koperator, maka Institut

Koperasi Malaysia (IKMa) Zon Sarawak telah memilih tema "Komunikasi Berpengaruh – Pembuka Rezeki, Merintis Kejayaan" sebagai tajuk Bicara Ilmu Ramadan pada kali ini dan julung kalinya diadakan di bandar Miri. Alhamdulillah, program setengah hari pada 13 April 2023 itu telah berlangsung dengan jayanya bertempat di Hotel Pullman Miri Waterfront, Miri, Sarawak.

Sesuai dengan temanya, penganjuran program bicara ilmu ini bertujuan untuk memberi kesedaran dan kefahaman kepada peserta tentang kepentingan komunikasi yang baik dan berkesan serta memberi pendedahan tentang aspek-aspek di dalam komunikasi untuk mencapai keberkesannya. Selain itu, program ini menyentuh tentang kaedah mengawal emosi yang efektif kerana berkait rapat dalam penyampaian mesej untuk mencapai tujuan komunikasi tersebut.

Program yang telah disertai oleh seramai 187 orang yang terdiri daripada koperator di sekitar bandar Miri serta pegawai agensi di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) ini telah dirasmikan majlis penutupannya oleh YBhg. Datuk Mohd Ali bin Mansor, Ketua Pengarah IKMa. Majlis turut rasa meriah dengan kehadiran Encik Mohd Zaib bin Mat Yunus, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan Modal Insan) IKMa.



► Ucapan perasmian penutupan oleh Ketua Pengarah, YBhg. Datuk Mohd Ali Mansor.



► Penceramah Ustaz Luqman "Komunikasi Berpengaruh - Apa Persediaan Anda?"



► Alunan bacaan Al-Quran oleh Encik Mohd Faizzil Affandi.

Seawal jam 2.00 petang, ruang dewan telah dihadiri oleh ramai peserta biarpun sesi ceramah hanya dimulakan pada jam 3.00 petang. Dalam ceramah pertama yang bertajuk "Komunikasi Berpengaruh – Apa Persediaan Anda?" yang disampaikan oleh Ustaz Lukman Sahram, pegawai agama dari Jabatan Agama Islam Sarawak Bahagian Miri telah mengajak peserta untuk menyelami maksud komunikasi berkesan, komunikasi berpengaruh dalam perspektif Islam serta mengaitkan beberapa contoh komunikasi yang sewajarnya dan diajar dalam Islam tidak kira komunikasi itu berlaku sama ada di tempat kerja mahupun di rumah.

Sesi ceramah kedua diteruskan selepas berhenti rehat selama 15 minit bagi memberi laluan kepada peserta Muslim mengerjakan solat

Asar. Melalui ceramah yang bertajuk "Marah Itu Mudah, Tetapi Sabar Itu Indah", penceramah yang diundang khas merupakan penceramah selebriti, Pencetus Ummah (PU Ris) atau Ustaz Muhd Haris membicarakan tentang kemanisan apabila bersifat sabar dalam menangani sebarang musibah dan amarah. Menurut beliau, di dalam Al-Quran turut menjelaskan pelbagai kebaikan dapat diraih di dunia dan di akhirat oleh insan yang sabar tidak kira sama ada mereka miskin atau kaya. Allah memberikan ganjaran yang sangat menakjubkan kepada orang beriman yang memiliki sifat 'mahmudah' tersebut. Maka, beruntunglah golongan itu apabila dijanjikan kejayaan, kebahagiaan, syurga nan indah dan terhindar daripada seksa api neraka seperti firman ALLAH dalam Surah Al-Baqarah, ayat 153:

"Sesungguhnya Allah bersama orang-orang yang sabar."

Mengakhiri program pada hari tersebut adalah penyempurnaan majlis perasmian penutupan oleh YBhg. Ketua Pengarah IKMa, Datuk Mohd Ali bin Mansor. Di kesempatan itu juga, para peserta turut diperdengarkan alunan bacaan Al-Quran yang dikumandangkan oleh peserta Qari Tilawah Al-Quran Peringkat Negeri Sarawak yang mewakili bahagian Miri, Encik Mohd Faizzil bin Affandi. Usai memberikan ucapan perasmian, YBhg. Datuk Mohd Ali juga telah dijemput untuk memberikan sumbangan derma dan bantuan kepada golongan asnaf yang memerlukan. Majlis berakhir sekitar jam 6.15 petang sebagai persediaan untuk majlis berbuka puasa bersama-sama koperator dan jempunan.



► Bergambar bersama asnaf penerima sumbangan derma IKMa.

BICARA ILMU

“MELABUR TANPA WASWAS”

DAN MAJLIS BERBUKA PUASA IKMa 2023

Nuur-Fadzillah Zullkepli
fadzillah@ikma.edu.my
Unit Komunikasi Korporat



▶ YBhg Tan Sri Dr. Mohd Daud Bakar, Pengerusi Eksekutif Amanie Group.



▶ YB Datuk Ewon Benedick menyampaikan sumbangan kepada anak-anak Rumah Sentuhan Budi, Petaling Jaya.

Pada 11 April 2023, Institut Koperasi Malaysia (IKMa) telah menganjurkan Program Bicara Ilmu “Melabur Tanpa Waswas” dan Majlis Berbuka Puasa IKMa yang dirasmikan oleh YB Datuk Ewon Benedick, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi. Majlis telah dihadiri oleh seramai lebih kurang 450 orang tetamu terdiri daripada Pengurusan Tertinggi KUSKOP dan agensi, pegawai-pegawai agensi kerajaan sekitar Petaling Jaya, pemimpin-pemimpin dan anggota koperasi sekitar Lembah Klang, serta seluruh warga kerja Institut Koperasi Malaysia.

Objektif Program Bicara Ilmu Melabur Tanpa Waswas adalah untuk memberi pendedahan dan panduan berkaitan pelaburan patuh Syariah di samping mengamalkan konsep terbaik dalam pelaburan patuh syariah. Bicara Ilmu ini telah disampaikan oleh YBhg Tan Sri

Dr Mohd Daud Bakar, Pengerusi Eksekutif Amanie Group.

IKMa terus berperanan dalam membantu koperasi mengenal pasti peluang-peluang mengukuhkan ekonomi ahli koperasi melalui pelbagai instrumen, termasuklah instrumen pelaburan. IKMa sebagai pusat kecemerlangan koperasi sentiasa berusaha secara turun padang bagi memastikan gerakan koperasi dibekalkan dengan ilmu pengetahuan terkini.

Hasrat Kerajaan dan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) diterjemahkan melalui Pelan Transformasi Koperasi Malaysia (TransKoM) yang menggariskan matlamat, sasaran dan langkah strategik untuk memperkasakan gerakan koperasi di Malaysia. Melalui pelan ini, kerajaan berhasrat untuk meningkatkan pendapatan dan tahap sosioekonomi

golongan berpendapatan rendah (B40). IKMa sentiasa berusaha memberi bimbingan berterusan kepada koperasi dalam menangani isu peningkatan kos sara hidup bagi menambah baik kesejahteraan anggota koperasi.

Sehingga kini 30 program turun padang IKMa yang dikenali sebagai MasKop (Memasyarakatkan Koperasi) telah dilaksanakan dengan jumlah penyertaan seramai 6,230 orang peserta. Jumlah kehadiran peserta yang amat menggalakkan ini memberi petunjuk bahawa ahli koperasi sentiasa berusaha untuk memajukan diri demi masa depan yang lebih terjamin.

Dalam majlis yang sama YB Datuk Ewon Benedick turut menyampaikan sumbangan khidmat masyarakat ‘IKMa Prihatin’ kepada 30 orang anak-anak Rumah Sentuhan Budi Petaling Jaya serta anak-anak warga IKMa yang layak.

HARTANAH: PROSPEK DAN CABARAN KOPERASI

Nur Hafieza Hashim
hafieza@ikma.edu.my
IKMa Zon Timur

Institut Koperasi Malaysia (IKMa) Zon Timur telah menganjurkan program Bicara Ilmu "Hartanah: Prospek dan Cabaran Koperasi" pada 11 Mei 2023 bertempat di Swiss-Belhotel Kuantan, Pahang. Program ini berjaya menarik minat seramai 150 orang peserta dalam kalangan koperator di pantai timur khususnya gerakan koperasi di negeri Pahang. Objektif program ini adalah memberi pendedahan kepada koperasi tentang potensi dan cabaran koperasi dalam rangkaian aktiviti sektor hartanah dan industri pembinaan. Selain itu, di platform ini juga memberi penjelasan berkaitan isu-isu pengurusan dan pentadbiran dalam aktiviti hartanah dan industri pembinaan khususnya di negeri Pahang.

Majlis perasmian program ini telah disempurnakan oleh Encik Mohd Zaib bin Mat Yunus, Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan Modal Insan, IKMa. Pengisian program ini dimulakan dengan sesi ceramah oleh pakar industri Encik Nazree Shah bin Anwar Shah, Konsultan (SME IKMa) dan disusuli dengan sesi forum bersama agensi yang terlibat



► Sesi forum bersama PTG Pahang dan PSK Pahang.

dalam pengurusan dan pentadbiran serta pembangunan hartanah negeri Pahang iaitu pihak Pejabat Tanah dan Galian (PTG) Pahang dan Perbadanan Setiausaha Kerajaan (PSK) Pahang.

Selain itu, dalam program ini juga diselitkan acara penyampaian Sijil Tamat Program Bimbingan dan Latihan (MiRiCLe) di bawah IKMa Zon Timur. Sebanyak 24 buah koperasi yang telah dibimbing oleh IKMa Zon Timur dalam pelbagai bidang perniagaan dan pengurusan untuk tempoh tiga tahun (2019-2022). Di samping itu, pihak IKMa Zon Timur juga telah mempelawa lapan buah koperasi di Kuantan yang mempunyai produk untuk membuka reruai jualan semasa program berlangsung.

Secara keseluruhannya, program ini telah berjalan dengan lancar dan mendapat maklum balas yang positif daripada para peserta serta berjaya mencapai objektif. Harapan IKMa Zon Timur agar program ini dapat memberi inspirasi dan suntikan baharu dalam perniagaan koperasi serta terus berdaya saing dalam bidang hartanah dan industri pembinaan.



► Encik Mohd Zaib (tengah) bersama Wakil SKM Pahang dan Timbalan Pengerusi JPAN Pahang 1.



► Peserta bergambar bersama Encik Mohd Zaib, Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan Modal Insan IKMa.

Majlis Pendaftaran SIJIL EKSEKUTIF PENGURUSAN KOPERASI (SEPKo)

Hamzi Fathul Zulwaqar Muhamad
hamzi@ikma.edu.my
Pusat Pendidikan Tinggi



▶ Para peserta bergambar bersama Puan Najmah Nawawi serta tenaga pengajar SEPKo.



▶ Sesi pembelajaran SEPKo.

Pusat Pendidikan Tinggi Institut Koperasi Malaysia (IKMa) telah mengadakan Majlis pendaftaran program Sijil Eksekutif Pengurusan Koperasi (SEPKo) pada 11 Mei 2023 yang lalu. Majlis dirasmikan oleh Puan Najmah binti Nawawi, Pengarah Kanan Bahagian Perundingan Koperasi, IKMa dan Puan Arfizawati binti Abd Hadi, Pengarah Pusat Pendidikan Tinggi, IKMa serta beberapa orang tenaga pengajar lain.

Program ini telah berjaya menarik minat 24 orang koperator yang terdiri daripada Anggota Lembaga Koperasi (ALK) serta anggota koperasi. Seramai 23 orang hadir secara fizikal ke majlis perasmian ini manakala seorang hadir secara dalam talian.. Program sijil ini memberikan

tumpuan khusus kepada pemeraksanaan pengurusan koperasi serta memberi penekanan dari segi perundangan terhadap tugas, tanggungjawab serta tatacara amalan terbaik pengurusan koperasi.

Program yang berlangsung hampir empat jam bermula jam 9 pagi sehingga 1 petang ini dimulakan dengan sesi pendaftaran peserta diikuti perasmian oleh Puan Najmah binti Nawawi dan taklimat SEPKo yang disampaikan oleh Puan Arfizawati binti Abd Hadi serta taklimat dan "Tour IKMa" yang dibawakan oleh Encik Amiruddin bin Muhamad Salim daripada Unit Fasiliti dan Sajian. Majlis diakhiri dengan sesi kaedah pembelajaran SEPKo yang disampaikan

oleh Encik Hamzi Fathul Zulwaqar bin Muhamad. Menerusi taklimat ini, peserta diajar dengan menggunakan aplikasi Google Classroom, Google Meet, Google Calendar dan Google Drive.

Secara keseluruhannya, penganjuran program seperti ini diharap dapat memberi manfaat kepada 24 orang peserta serta mencapai matlamat penganjurannya, bukan sahaja sekadar memberi pendedahan tetapi juga dapat meningkatkan pengetahuan para peserta mengenai tugas dan tanggungjawab sebagai pembuat keputusan dalam pengurusan koperasi agar dapat digunakan dalam menguruskan koperasi dengan baik.

MAJLIS PENDAFTARAN DAN PERASMIAN SIJIL EKSEKUTIF SETIAUSAHA KOPERASI (SESKO)

Nur Syazwani Zainul Abidin
nursyazwani@ikma.edu.my
Pusat Pendidikan Tinggi



► Penyelaras Puan Syazwani sedang memberi taklimat pembelajaran SESKO kepada peserta.



► Para peserta bergambar kenangan bersama Encik Mohd Zaib (duduk tiga dari kanan) serta Pengarah Kanan IKMa.

Pusat Pendidikan Tinggi telah mengadakan Majlis Pendaftaran dan Perasmian Program Sijil Eksekutif Setiausaha Koperasi pada 31 Mei 2023 yang lalu. Majlis dirasmikan oleh Encik Mohd Zaib bin Mat Yunus, Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan Modal Insan (TKPMI) Institut Koperasi Malaysia (IKMa). Turut hadir ialah Puan Sri Datin Sri Noraesyah binti Saari, Pengarah Kanan Bahagian Keusahawanan dan Perniagaan serta Puan Najmah binti Nawawi, Pengarah Kanan Bahagian Pembangunan dan Perundingan Koperasi, IKMa. Program ini telah berjaya menarik minat 21 orang peserta termasuklah Anggota Lembaga Koperasi (ALK) serta anggota koperasi dari Sabah, Kedah, Pulau Pinang, Perak, Johor, Melaka, Negeri Sembilan,

Pahang dan Terengganu. Sebanyak 16 orang hadir secara fizikal manakala lima orang hadir secara dalam talian. Program sijil ini memberikan tumpuan khusus kepada pemerkasaan Setiausaha koperasi serta memberi penekanan dari segi perundangan terhadap tugas, tanggungjawab serta tatacara amalan terbaik Setiausaha koperasi.

Program yang berlangsung hampir empat jam bermula jam 9 pagi sehingga 1 petang ini dimulakan dengan sesi pendaftaran peserta diikuti dengan perasmian oleh Encik Mohd Zaib (TKPMI IKMa) dan taklimat Fasiliti dan "Tour IKMa" yang dibawakan oleh Encik Fauzi bin Habib daripada Unit Fasiliti dan Sajian. Majlis diakhiri dengan sesi taklimat program SESKO yang

disampaikan oleh penyelaras program SESKO, Puan Nur Syazwani binti Zainul Abidin serta kaedah pembelajaran SESKO oleh Encik Hamzi Fathul Zulwaqar bin Muhamad. Menerusi taklimat ini, peserta diajar dengan menggunakan aplikasi **Google Classroom**, **Google Meet**, **Google Calendar** dan **Google Drive**.

Secara keseluruhan, diharap program SESKO ini dapat memberi manfaat kepada 21 peserta serta mencapai matlamat penganjurannya, bukan sahaja sekadar memberi pendedahan tetapi juga dapat meningkatkan pengetahuan para peserta mengenai tugas dan tanggungjawab setiausaha agar dapat digunakan dalam menguruskan koperasi dengan baik.

KETERJAMINAN MAKANAN: SEJAUH MANA PERANAN KOPERASI?

Norafidah Ismail
norafidah@ikma.edu.my
IKMa Zon Utara



- Encik Khalid bin Ibrahim, Setiausaha Bahagian Pembangunan Perniagaan dan Pelaburan daripada Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM).

Institut Koperasi Malaysia (IKMa) Zon Utara telah menganjurkan satu program ilmu bersama warga koperator di zon utara tanah air bersempena Syawal pada kali ini. Program bertajuk Keterjaminan Makanan: Sejauh Mana Peranan Koperasi? Pada masa yang sama juga turut diadakan Majlis Penyerahan Pelan Strategik Koperasi pada 18 Mei 2023 bersamaan dengan 27 Syawal 1444H. Program yang bertempat di Cinta Sayang Resort, Sungai Petani Kedah ini telah dihadiri oleh 213 peserta yang terdiri daripada warga koperator dan agensi daripada pelbagai negeri

termasuklah Kedah, Pulau Pinang, Perlis dan Utara Perak.

Objektif utama penganjuran program ini adalah memberi kefahaman dan pendedahan berkaitan peranan dan potensi koperasi dalam sektor agromakanan serta inisiatif yang ditawarkan oleh kerajaan. Tema yang diangkat ini, iaitu Keterjaminan Makanan merupakan antara perkara yang menjadi keutamaan kerajaan dalam usaha memastikan bekalan makanan negara sentiasa mencukupi dan tersedia buat semua rakyat Malaysia sejajar dengan objektif Pelan Tindakan Dasar Sekuriti

Makanan Negara 2021 - 2025 dan Dasar Agromakanan Negara 2021 - 2030. Gerakan koperasi juga dilihat paling sesuai untuk membantu meningkatkan pengeluaran makanan dalam negara. Hal ini kerana koperasi merupakan entiti perniagaan yang mempunyai bilangan keanggotaan yang ramai serta jumlah bilangan koperasi yang terlibat dalam fungsi pertanian juga adalah ketiga tertinggi berbanding fungsi lain.

Untuk itu, program pada kali ini telah menampilkan empat orang penceramah yang dijemput khas daripada kementerian, agensi dan

koperasi untuk sama-sama berkongsi informasi dan manfaat berkaitan topik keterjaminan makanan. Menerusi atur cara program, sesi pertama telah dimulakan dengan topik utama iaitu Landskap Sektor Agromakanan Negara dengan kupasan berkaitan Kemampunan Sektor Agromakanan Negara Mendepani Isu dan Cabaran Keterjaminan Makanan. Sesi ini telah disampaikan oleh Encik Khalid bin Ibrahim, Setiausaha Bahagian Pembangunan Perniagaan dan Pelaburan dari Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM).

Program kemudiannya diteruskan dengan sesi Forum: Inisiatif Agensi Sumber Galakan Koperasi dengan melibatkan dua lagi penceramah dari dua buah agensi di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) iaitu Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan Institut Koperasi Malaysia (IKMa). Sesi forum ini dimulai oleh Tuan Haji Mohd Rizam bin Zuligifiauni, Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Pembangunan Koperasi, Suruhanjaya Koperasi Malaysia dengan topik beliau bertajuk Keterlibatan Koperasi dan Inisiatif Kerajaan Bantu Koperasi dalam Sektor Agromakanan.

Manakala topik forum seterusnya bertajuk Latihan Bersasar Memperkasakan Koperasi Agromakanan telah disampaikan oleh Encik Ju Shamsuddin bin Safian, Pengarah Sektor Keberhasilan (Perladangan), Institut Koperasi Malaysia. Program diteruskan lagi dengan sesi Inspirasi Koperasi Membina Masa Depan dengan menjemput YBhg. Dato' Haji Mat Rejab bin Kassim dari Koperasi Keluarga Dato' Haji Mat Rejab Alor Setar Berhad bagi berkongsi ilmu dan pengalaman berkenaan koperasi beliau dalam menguruskan aktiviti berteraskan agromakanan.

Sebagai pelengkap program, IKMa Zon Utara turut mengundang YB Senator Puan Saraswathy Kandasami, Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) bagi menyampaikan ucapan dan seterusnya merasmikan penutupan program. Turut hadir memberikan sokongan ialah YBhg Datuk Mohd Ali bin Mansor, Ketua Pengarah IKMa, Encik Mohd Zaib bin Mat Yunus, Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan Modal Insan, IKMa, Puan Sri Datin Seri Noraesyah binti Saari, Pengarah Kanan Bahagian Keusahawanan dan Perniagaan IKMa serta dif-dif jemputan dari agensi di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP).

Tidak ketinggalan, program ini turut diselitkan dengan majlis penyerahan Pelan Strategik Koperasi dengan disampaikan oleh YB Senator kepada tiga buah koperasi iaitu Koperasi Komuniti Kampung Kilim Langkawi Berhad, Koperasi Kerjaya Permatang Nibong Pulau Pinang Berhad dan Koperasi Pembangunan Insan Wilayah Utara Berhad. Penyerahan pelan ini merupakan satu simbolik kepada hasil program MiRiCLE yang telah diperkenalkan oleh IKMa kepada gerakan koperasi yang terpilih sejak tahun 2019 sehingga kini dalam usaha untuk membantu melonjakkan pendapatan koperasi. YB Senator turut mengharapkan dengan penerimaan pelan ini, ia akan menjadi panduan utama kepada koperasi dalam merangka strategi bagi mencapai sasaran yang ditetapkan. Dengan berakhirnya majlis perasmian penutupan dan penyerahan pelan strategik tersebut, program ditamatkan dengan jamuan Aidilfitri pada jam 1.00 tengah hari.



- ▶ YBhg. Dato' Haji Mat Rejab bin Kassim berkongsi pengalaman koperasi beliau dalam menguruskan aktiviti berteraskan agromakanan.



- ▶ Sesi Forum bersama penceramah jemputan daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) (kiri) dan Institut Koperasi Malaysia (IKMa) (kanan).



- ▶ YB Senator bergambar kenangan bersama koperasi penerima Pelan Strategik Koperasi.



- ▶ Produk Perapan Koperasi Muafakat Setara Seberang Perai Berhad.

KURSUS IN-HOUSE APLIKASI MICROSOFT EXCEL LANJUTAN

(KOPERASI PERMODALAN FELDA MALAYSIA BERHAD)

Nazirah Baharudin
nazirah@ikma.edu.my
Pusat Perundingan Koperasi



► Para peserta bergambar kenangan dengan penceramah dan penyelaras program.

Pusat Perundingan Koperasi, Institut Koperasi Malaysia (IKMa) telah mengadakan Kursus Aplikasi Microsoft Excel Lanjutan in-house khusus untuk Koperasi Permodalan Felda Malaysia Berhad. Kursus *in-house* ini akan diadakan sebanyak tujuh kali yang melibatkan 198 peserta. Peserta daripada kursus ini terdiri daripada kakitangan ar-rahnu dan bahagian kewangan Koperasi Permodalan Felda Bhd seluruh Malaysia. Siri pertama telah diadakan pada 7 hingga 8 Jun 2023 yang melibatkan seramai 13 orang peserta. Objektif kursus ini untuk memberi kefahaman tentang aplikasi lembaran elektronik

MS Excel, menerangkan pemudah cara menggunakan lembaran elektronik MS Excel untuk mengira, memanipulasi serta menganalisis data atau maklumat.

Kursus ini dikendalikan oleh penceramah yang dijemput khas daripada Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi. Seramai empat penceramah yang terlibat antaranya Puan Nor Azlina binti Kassim, Puan Nor Aslamiah binti Ali, Puan Intan Nur Azreen binti Mohamad Radzi dan Encik Faiz bin Ahmad Yatim. Melalui Kursus Aplikasi Microsoft Excel Lanjutan ini, ia dapat membantu peserta menyiapkan tugas harian seperti

menguruskan pengiraan yang kompleks dan pemprosesan data dengan jumlah yang banyak. Penguasaan dalam kursus ini dapat membantu peserta menyiapkan tugas kerja lebih cekap dengan menggunakan kaedah yang ringkas dalam masa yang singkat.

Secara keseluruhannya, kursus ini mendapat kerjasama dan maklum balas yang positif daripada semua peserta yang terlibat. Melalui penganjuran kursus seperti ini diharapkan para peserta dapat meningkatkan ilmu dalam penguasaan lembaran elektronik MS Excel.

IKMa Jalin Kerjasama dengan National Cooperative College of Mauritius

R. Zarinatun Mohd Abdul Kader
 zarinatun@ikma.edu.my
 Pusat Antarabangsa dan Kolaborasi

Satu perbincangan secara dalam talian antara Institut Koperasi Malaysia (IKMa) dan *National Cooperative College of Mauritius* (NCCM) telah diadakan pada 17 Januari 2023. Antara objektif mesyuarat ini diadakan untuk membincangkan pelaksanaan program perancangan bagi program latihan dan pendidikan yang lebih sesuai dan bersistematik dilaksanakan dalam tempoh tiga tahun iaitu 2023 - 2025. Wakil pegawai dari Mauritius iaitu Encik Sanjeev Coonjobeeharry, selaku Pengarah NCCM. Manakala IKMa diwakili oleh pegawai Pusat Antarabangsa & Kolaborasi terdiri daripada Dr. Zurita Mohd Salleh, Pengarah Pusat, Puan R. Zarinatun Mohd Abdul Kader, Pegawai Latihan Kanan, Encik Muhamad Afnan Hasim dan Encik Nor Irzaq Nor Hamid, Pegawai Latihan.

Agenda perbincangan telah dimulakan dengan menjadualkan program-program pelaksanaan bagi tahun 2023 – 2025 seperti berikut:

- i. Membangunkan modul latihan bagi dua kursus jangka panjang cadangan daripada pihak NCCM iaitu *Executive Diploma in Cooperative Management & BSc. In Cooperative Business Management*;
- ii. Latihan & pembinaan kapasiti-berasaskan keperluan: (Pegawai & kooperator): kursus jangka pendek/ sederhana/panjang seperti *Internal*

control course, project Management, Training for Trainers, Training to Conduct Research, training and exposure in the field of food processing;

- iii. Penyelidikan (TNA) & perundingan (perancangan strategik, road map, model perniagaan, kawasan perundangan dan lain-lain);
- iv. Berasaskan pengetahuan: persidangan/seminar dan lain-lain (kesedaran);
- v. Amalan terbaik: lawatan sambil belajar / Program sangkutan; dan
- vi. Jaringan kerjasama: antara koperasi (*business matching*).

Agenda seterusnya adalah bagi membincangkan program untuk dilaksanakan pada tahun 2023 iaitu:

- i. Program Webinar dengan memberi fokus kepada bidang pertanian dan perladangan khususnya berkaitan penanaman, pemprosesan dan pemasaran yang diusahakan di Malaysia, kursusnya yang melibatkan gerakan koperasi;
- ii. Program "best practices sharing" berdasarkan 10 koperasi terbaik di Mauritius seperti berikut:
 - Mauritius Cosumer Agricultural Federation LTD;
 - Central Electricity Board Staff Multipurpose Cooperative Credit Union LTD;



► Bergambar pada akhir sesi perbincangan secara dalam talian bersama Encik Sanjeev Coonjobeeharry, Director of National Cooperative College of Mauritius dan Pengarah dan Pegawai Latihan di bawah Pusat Antarabangsa & Kolaborasi, IKMa.

- Curepine Cooperative Credit Union LTD;
- L'Escalier Cooperative Credit Society;
- Square deal Multipurpose Cooperation Society;
- Rodrigues Northern Cooperative Credit Union;
- United Development Cooperative Credit Union Ltd (Rodrigues);
- Albarakah Multipurpose Cooperative Society LTD;
- Bus Owner Cooperative Society LTD (South); dan
- Amamath Credit & Tea Marketing Cooperative Society LTD

Jalanan kerjasama di antara dua buah negara iaitu Malaysia dan Mauritius melalui IKMa dan NCCM, dilihat sangat positif. Encik Sanjeev Coonjobeeharry telah menzahirkan hasratnya menyambung perjanjian persefahaman MOU tersebut. Beliau menegaskan bahawa NCCM memerlukan bimbingan dan tunjuk ajar dari IKMa dan menyimpan hasrat untuk mencontohi IKMa dalam menjadi pusat latihan dan pendidikan modal Insan koperasi yang cemerlang, terbilang dan dikenali di dalam dan di luar negara.

IKMa & ANGKASA Webinar Amalan Terbaik Kurikulum dan Tadbir Urus Koperasi di Malaysia dan Indonesia



► Sesi perbincangan secara bersemuka bersama Encik Muhammad Firdaus Borhan selaku pengurus, Business Development Unit & ASEAN Cooperative Organization, International Relation Division, ANGKASA telah dipengerusikan oleh Cik Sharina Abdullah, Pengarah Kanan, Bahagian Dasar & Strategi.

Satu perbincangan bersemuka antara Institut Koperasi Malaysia (IKMa) dan ANGKASA telah diadakan pada 08 Februari 2023 yang lalu. Wakil pegawai dari ANGKASA iaitu Encik Muhammad Firdaus Borhan selaku pengurus, *Business Development Unit & ASEAN Cooperative Organization, International Relation Division*, ANGKASA. Manakala wakil dari IKMa terdiri daripada Cik Sharina Abdullah, Pengarah Kanan, Bahagian Dasar & Strategi, Dr. Zurita Mohd Salleh, Pengarah Pusat Antarabangsa & Kolaborasi, Puan R. Zarinatun Mohd Abdul Kader, Pegawai Latihan Kanan, Pusat Antarabangsa & Kolaborasi dan Encik Mohd Razalie Raffae dari Bahagian Dasar & Strategi.

Antara objektif mesyuarat ini diadakan untuk bekerjasama bagi mengadakan webinar berkaitan amalan terbaik kurikulum dan tadbir urus koperasi di Malaysia dan Indonesia. Program ini akan melibatkan para koperator dari Malaysia dan Indonesia, dan inti pati utama webinar ini adalah untuk mencari titik persamaan dalam amalan tadbir

urus terbaik yang dipraktikkan oleh koperasi-koperasi berjaya di Malaysia, seterusnya mencari ruang untuk penambahbaikan bagi memantapkan lagi kursus pendidikan untuk para koperator di Malaysia dan Indonesia. Cadangan pengkhususan ialah koperasi di bawah kategori koperasi sekolah dan koperasi kariah masjid.

ANGKASA telah memaklumkan bahawa Dewan Koperasi di Indonesia dan Institut Pendidikan berkaitan koperasi seperti Sekolah Ilmu Tinggi Ganesha di Banten, Indonesia berminat untuk menelusuri selok-belok kurikulum pengkoperasian dan ingin mencari satu titik persamaan bagi menggalakkan generasi muda menyertai koperasi. Secara tidak langsung menjadikan ia sektor terpenting dalam perkembangan ekonomi di kedua-dua negara. Lanjutan daripada perbincangan ini pihak ANGKASA telah memberi cadangan beberapa buah koperasi sekolah dan koperasi kariah masjid yang berjaya dan boleh dijadikan contoh yang dapat diketengahkan semasa webinar nanti.

R. Zarinatun Mohd Abdul Kader
zarinatun@ikma.edu.my
Pusat Antarabangsa & Kolaborasi

Cadangan dari ANGKASA adalah seperti berikut:

Kategori Koperasi Sekolah:

- i. Koperasi Kolej Vokasional Tanah Merah, Kelantan
- ii. Koperasi SMK Kota, Kota Bharu, Kelantan
- iii. Koperasi MRSM Kepala Batas, Pulau Pinang

Kategori Koperasi Kariah Masjid:


- i. Koperasi Kariah Masjid Nurul Yaqin Kelana Jaya Berhad, Selangor
- ii. Koperasi Kariah Masjid At-Taqwa Taman Bertam Indah Kepala Batas Berhad, Pulau Pinang
- iii. Koperasi Kariah Masjid Ar-Rashdiah Selama Berhad, Perak

Justeru, ANGKASA mencadangkan untuk mengadakan perbincangan semula bagi memperhalus kandungan, jadual, tarikh, penceramah jemputan dan perkara-perkara yang diperlukan di dalam webinar tersebut. Secara tidak langsung pihak IKMa telah bersetuju untuk mengadakan kerjasama ini dengan beberapa perkara yang memerlukan input dari kedua belah pihak bagi memastikan program ini berjaya.

Jalinan kerjasama di antara Institut Koperasi Malaysia dan ANGKASA ini dilihat dapat menjadi satu medium dalam mengukuhkan lagi jalinan kerjasama sedia ada antara agensi kerajaan dan agensi swasta.

Jalanan Kerjasama dari JORDAN CO-OPERATIVE CORPORATION (JCC)

R. Zarinatun Mohd Abdul Kader
zarinatun@ikma.edu.my
Pusat Antarabangsa dan Kolaborasi



► Perbincangan secara dalam talian di antara IKMa dengan JCC.

Satu mesyuarat secara dalam talian telah diadakan di antara Institut Koperasi Malaysia (IKMa) dengan pihak Jordan Cooperative Corporation (JCC) pada 29 Mac 2023 yang lalu. Mesyuarat ini diadakan setelah menerima surat yang di-e-mel oleh Encik Abdelfattah Alshalabi, Ketua Pengarah dari Jordan Cooperative Corporation (JCC). Beliau menyatakan hasrat untuk mengadakan kerjasama dengan IKMa sebuah institut koperasi di Malaysia yang menawarkan latihan koperasi dan program pendidikan ke beberapa negara di seluruh dunia.

Wakil IKMa yang turut serta ke perbincangan ini ialah Encik Mohd Zaib bin Mat Yunus, Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan Modal Insan, Cik Sharina binti Abdullah, Pengarah Kanan Bahagian Dasar & Strategi, Dr. Zurita binti Mohd Saleh, Pengarah Pusat Antarabangsa dan Kolaborasi (CIC) serta tiga orang Pegawai Latihan Pusat CIC iaitu Puan R. Zarinatun binti Mohd Abdul Kader, Encik Muhamad Afnan bin Hasim dan Encik Nor Irzaq bin Nor Hamid. Manakala wakil dari JCC ialah Encik Abdelfattah Alshalabi, Ketua Pengarah

dari Jordan Cooperative Corporation (JCC), Encik Thamer Madarmah (Ministry of Planning and International Cooperation) Dr. Nasser Abu- Alberak (Jordan Cooperative Corporation), dan Puan Khitam ALmazaydeh, penyelaras program.

Perbincangan dalam mesyuarat ini telah memberi peluang kepada Encik Abdelfattah Alshalabi untuk menyatakan hasrat mengadakan kerjasama dengan pihak IKMa bagi membangunkan pusat latihan koperasi Jordan dengan mencontohi IKMa. Di samping itu membangunkan juga program-program latihan dan pendidikan dalam bidang koperasi yang dapat dimanfaatkan oleh anggota koperasi di Jordan. JCC juga berharap program-program pembangunan modal insan ini diterapkan kepada pegawai latihan di JCC agar mereka dapat melaksanakan program-program pembangunan modal insan ini sendiri dan mudah untuk disampaikan kepada koperator di dalam negara. JCC juga meminta agar IKMa mencadangkan medium bagi merealisasikan jalinan kerjasama tersebut. Pihak IKMa meminta

agar mengadakan secara LOI terlebih dahulu sebelum boleh memeteraikan secara Perjanjian persefahaman MOU.

JCC ialah sebuah institut kerajaan rasmi di Jordan yang ditubuhkan dan diamanahkan dengan peranan menyelia dan mewakili sektor koperasi di Kerajaan Hashemite Jordan, dan menjalankan tugas-tugas mendaftarkan koperasi, dan bimbingan, menyediakan sokongan teknikal dan latihan, menyediakan draf perundangan, memudahkan komunikasi dengan penderma, dan proses pengauditan untuk Koperasi. JCC bergabung dengan beberapa pakatan antarabangsa dan serantau, termasuk Perikatan Koperasi Antarabangsa (ICA) Gabungan Persatuan Perikanan Antarabangsa (ICFA), dan Kesatuan Koperasi Arab (ACU).

JCC berharap dapat membina perkongsian kerjasama dengan Institut Koperasi Malaysia (IKMa) kerana melihat tahap pencapaian dan reputasi yang hebat yang dimiliki oleh IKMa. Tambahan pula kerjasama ini merupakan satu platform kepada JCC untuk membangunkan program-program latihan dan pendidikan koperasi yang dapat memperkasakan Koperasi di Jordan dan untuk pertukaran pengalaman tenaga pengajar JCC dengan IKMa. JCC berhasrat untuk mencontohi IKMa dalam menjadi pusat latihan dan pendidikan modal Insan koperasi yang cemerlang, terbilang dan dikenali di dalam dan di luar negara.

MINGGU PERUSAHAAN MIKRO, KECIL DAN SEDERHANA (PMKS) ZON SARAWAK 2023

Emmy Polly

emmy@ikma.edu.my
IKMa Zon Sarawak Cawangan Miri



▶ IKMa Zon Sarawak Cawangan Miri terlibat di kaunter informasi agensi kerajaan.

Program PMKS 2023 Zon Sarawak telah berlangsung selama lima hari dari 21 Jun 2023 hingga 25 Jun 2023 bertempat di Coco Cabana, Miri Sarawak. Program ini merupakan anjuran bersama SME Corp. Malaysia, Kementerian Perdagangan Antarabangsa, Industri dan Pelaburan Sarawak (MINTRED) dan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP). Program ini telah mengumpulkan 126 reruai pameran termasuk jualan dengan penglibatan 110 reruai PMKS & Dapur Sarawak, lapan reruai agensi, tiga reruai usahawan Brunei dan lima reruai Penaja.

Kaunter informasi oleh agensi kerajaan melibatkan lapan agensi yang telah membuka reruai di Rumah Kayu Coco Cabana. Institut Koperasi Malaysia (IKMa) Zon Sarawak Cawangan Miri telah terlibat dengan mempamerkan tentang maklumat dan brosur berkenaan tentang IKMa, jadual kursus anjuran IKMa Zon Sarawak, buku program, pameran buku-buku terbitan IKMa

dan juga jualan buku. Agensi kerajaan lain yang turut terlibat sama ialah Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Sarawak Economic Development Corporation (SEDC), MINTRED, TEKUN, Jabatan Akauntan Negara, Kementerian Belia, Sukan dan Pembangunan Usahawan Sarawak, Pusat Khidmat Kontraktor dan Perbadanan Nasional Berhad.

Beberapa program bicara niaga termasuk pertandingan telah disusun dan dianjurkan selama lima hari tersebut bagi merencanakan kemeriahan program PMKS tahun ini. Program bicara niaga dijalankan dengan beberapa topik menarik dan disampaikan oleh beberapa orang tetamu yang pakar dalam bidang tersebut. Di antaranya, pada hari kedua, Bicara Niaga; Technology Need Pitching telah dikupas oleh tiga orang tetamu khas iaitu Encik Ts. Ajmain Kasim, CEO Sirim Tech Ventures Sdn Bhd, Encik Mohd Fairus, Head of Corporate, Implementation & Consultancy Unit Malaysian Palm Oil Board, Encik Ahmad

Rizal Azwir, MRANTI Corporation Sdn Bhd dan Encik Eizzar Supiar, Assistant Vice President & Head Evaluation Cradle Fund Sdn Bhd. Pengunjung mendapat maklumat dan pendedahan daripada sesi bual niaga ini tentang teknologi yang dibangunkan, kemudahan pembangunan teknologi, geran dan skim yang disediakan oleh pihak terbabit dalam usaha mengadaptasikan teknologi dalam perniagaan mereka yang bukan sahaja untuk proses pengeluaran tetapi juga merangkumi pengurusan dan kewangan perniagaan.

Manakala, Bengkel Pemasaran Digital telah disampaikan oleh Encik Zain, daripada pihak Maxis tentang beberapa tip pemasaran secara dalam talian. Antara perkongsian menarik oleh beliau adalah pelanggan mengingati sesuatu dalam bentuk imej dan bukan perkataan mahupun ayat. Implikasinya, perniagaan perlu menggunakan pesona imej yang sesuai untuk penjenamaan dan pengiklanan kepada pelanggan. Selain daripada itu, Usrah Keusahawanan oleh JAIS Sarawak dan Bengkel Tiktok Shop turut diadakan. Aktiviti Padaniaga telah diatur dan melibatkan beberapa syarikat seperti MYgalore, Borneo Outlet Store, Petro Teguh, Emart, Mydin dan Mesra untuk membuka peluang kerjasama dan perniagaan dengan PMKS yang berminat dan berpotensi.

Majlis Perasmian telah berlangsung pada 23 Jun 2023 dan disempurnakan oleh YB Datuk Amar Hj Awang Tengah bin



► YB Datuk Amar dan YB Senator Puan Saraswathy bersama-sama tetamu kehormat bergambar bersama-sama usahawan dan peniaga Sarawak yang menerima bantuan.



► IKMa turut menyampaikan cenderahati kepada YB Senator Puan Saraswathy Kandasamy oleh Puan Syarifah Rohaya Wan Idris, Ketua Cawangan IKMa Cawangan Miri.

Ali Hasan, Timbalan Premier Sarawak dan YB Senator Puan Saraswathy Kandasamy, Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) Malaysia. Antara tetamu kehormat yang turut hadir ialah YB Dr. Ripin bin Lamat, Puan Noor Afifah binti Abdul Razak, Timbalan Ketua Setiausaha Pejabat Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Pemantauan) KUSKOP dan wakil delegasi daripada kerajaan Brunei Darussalam. Pada majlis tersebut, YB Senator Puan Saraswathy Kandasamy telah meluangkan masa melawat kaunter informasi IKMa. Bagi program hari tersebut, IKMa telah menyumbangkan sejumlah 500 beg berserta air minuman dan kuih-muih.

Pada majlis perasmian tersebut, berlangsung penyampaian *mock cheque* bantuan kewangan kepada PMKS Sarawak daripada agensi MINTRED, SME Corp. Malaysia dan Sarawak Digital Economy Corporation (SDEC) kepada peniaga-peniaga dan usahawan-usahawan yang terpilih. Kemudian, berlangsung juga pertukaran memorandum persefahaman di antara SDEC dan Yayasan Peneraju dan SDEC dengan TikTok diikuti penyampaian *plaque* penghargaan kepada penaja-penaja yang telah menyumbang untuk program ini.

Sepanjang lima hari tersebut, 71 buah ruuai jualan daripada pelbagai industri telah terlibat. Di antara produk dan perkhidmatan yang dijual semasa pameran adalah makanan basah dan mentah seperti daging daripada Sarabif, kraf tangan dan pakaian tradisional, kerepek, kek lapis Sarawak, produk kecantikan, pelancongan, wangian, cermin mata, percetakan, jahitan, roti, buah-buahan, durian *crepe*, *popcorn*, makanan kering, POS Malaysia, TELEKOM, pelaburan dan ikan tahai. Turut diadakan Jualan Madani yang menawarkan barangan yang dijual pada harga yang rendah daripada harga pasaran semasa tempatan. Beberapa buah koperasi daripada Zon Utara Sarawak telah terlibat dalam pameran tersebut iaitu Koperasi Keluarga Hjh Fatimah Abdul Hamid, Koperasi Komuniti Jahitan Miri Berhad, Koperasi

Keluarga Hj Sarkawi bin Haji Hamzah Berhad, Koperasi Komuniti Siti Payung Miri Berhad, Koperasi Sut Uyut Baram Berhad dan Koperasi Keluarga Hajah Alam Lawas.

Program PMKS 2023 Zon Sarawak dilihat mencapai matlamatnya, dengan penglibatan sebanyak 126 ruuai pameran dan jualan telah membuka mata pengunjung-pengunjung tentang produk-produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh PMKS di Sarawak, khususnya di bahagian Miri dan sekitarnya. Program ini membuka peluang kepada PMKS untuk mengembangkan pemasaran produk dan perkhidmatan mereka. Selain itu, Kaunter Informasi yang dibuka oleh agensi kerajaan telah berperanan menyebarkan maklumat mengenai bantuan dan kemudahan yang sedia ada kepada PMKS di Sarawak.



► YB Datuk Amar Hj Awang Tengah bersama-sama YB Senator Puan Saraswathy Kandasamy berkunjung di salah satu gerai jualan buah-buahan.

IKMa TERIMA KUNJUNGAN DELEGASI NEGARA VANUATU

Muhammad Afnan Hasim
afnan@ikma.edu.my
Pusat Antarabangsa dan Kolaborasi



► Mr. Leintz Vusilai sewaktu sesi perbincangan.

Institut Koperasi Malaysia (IKMa) telah menerima lawatan delegasi dari Cooperative Business Network (VCBN), Vanuatu, yang diwakili oleh Mr. Leintz Vusilai pada 08 Disember 2022 yang lalu. Delegasi tersebut diiringi oleh beberapa orang pegawai daripada Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa, Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) yang diketuai oleh Dr. Noraini binti Mohamad. Ketibaan

delegasi telah disambut oleh Encik Mohd Zaib bin Mat Yunus, Timbalan Ketua Pengarah, Pembangunan Modal Insan serta Pengarah-pengarah Kanan dan Pengarah-pengarah IKMa. Satu sesi perbincangan telah diadakan di Bilik Mesyuarat Anggerik, IKMa.

Objektif utama kunjungan delegasi VCBN ke IKMa adalah untuk mendapatkan input berkaitan fungsi dan peranan

IKMa sebagai sebuah pusat latihan yang menawarkan program latihan pendidikan koperasi khusus kepada gerakan koperasi di Malaysia. Semasa sesi lawatan tersebut, maklumat berkaitan struktur, fungsi dan program-program pembangunan modal insan dijelaskan melalui tayangan video korporat IKMa. Selanjutnya, satu sesi perbincangan diadakan bagi membincangkan inisiatif jalinan kerjasama yang efektif antara



► Encik Mohd Zaib sewaktu mempengerusikan sesi kunjungan delegasi VCBN ke IKMa.



▶ Bergambar kenangan bersama Mr. Leintz Vusilai dari VCBN.

kedua-dua buah organisasi dalam konteks pembangunan modal insan. Maklumat yang signifikan turut dikongsi bagi membantu dalam merangka pelan strategik koperasi di negara Vanuatu.

Selesai sesi perbincangan, delegasi dibawa melawat ke Perpustakaan Tan Sri Noh Omar untuk melihat fasiliti yang disediakan. Mr. Leintz Vusilai menyatakan

perasaan kagumnya akan kecanggihan infrastruktur yang terdapat di IKMa serta program-program pembangunan kapasiti koperasi dan akan menjadikan IKMa sebagai penanda aras dalam usaha untuk mewujudkan sebuah institusi latihan koperasi di Vanuatu. Pada penghujung sesi lawatan, Encik Mohd Zaib telah menyampaikan cenderamata kepada Mr. Leintz Vusilai sebagai tanda

penghargaan dan kesudian berkunjung ke IKMa serta pihak ANGKASA selaku pengiring bersama, dan program diakhiri dengan sesi bergambar.

Semoga dengan kunjungan serta lawatan ini akan dapat memberi manfaat kepada IKMa dan VCBN khususnya dalam pembangunan modal insan koperasi.



▶ Sesi serahan cenderamata yang disampaikan oleh Encik Mohd Zaib Mat Yunus kepada Mr. Leintz Vusilai.



▶ Mr. Leintz Vusilai semasa menandatangani buku pelawat di Perpustakaan Tan Sri Noh Omar.

IKMa, Universiti IKOPIN Memeterai Perjanjian Kerjasama

Muhammad Afnan Hasim
afnan@ikma.edu.my
Pusat Antarabangsa dan Kolaborasi



► Delegasi bergambar di kawasan penanaman kopi di Rancasalak bersama-sama penanam kopi dan barisan ALK.

Satu lawatan kerja rasmi telah diadakan oleh Institut Koperasi Malaysia (IKMa) ke Universitas Koperasi Indonesia (Universiti IKOPIN) di Bandung, Indonesia. Lawatan kerja selama tiga hari yang bermula pada 14 hingga 16 Februari 2023 ini telah diketuai oleh YBhg. Datuk Mohd Ali bin Mansor, Ketua Pengarah, IKMa.

Turut serta lawatan ini ialah Encik Mohd Zaib bin Mat Yunus, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan Modal Insan) bersama-sama Pengarah-Pengarah

Kanan, Pengarah dan Pegawai dari Pusat Antarabangsa dan Kolaborasi.

Manakala wakil dari Kementerian dan agensi yang turut sama dalam program lawatan ini ialah Encik Azizul bin Alias, Setiausaha Bahagian, Pembangunan Koperasi, Penjaja dan Peniaga Kecil, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) dan Encik Radiatul Fitri bin Dollah, Timbalan Pengarah, Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM).

Program ini turut disertai empat buah koperasi yang terpilih iaitu Koperasi Kospeta Malaysia Berhad (KOSPETA) yang diwakili YBhg. Datuk Haji Azih bin Muda, Koperasi Serbaguna Anak-anak Selangor Berhad (KOSAS) yang diwakili YBhg. Dato' Haji Mohd Aini bin Mohd Taib dan Encik Norazli bin Rusli@Abdulah, Koperasi Ladang Berhad yang diwakili Encik Mohd Damanhuri bin Mohd Jamli, dan Koperasi Pelaburan Kakitangan Bank Muamalat Berhad (KOPUTRA) yang diwakili Tuan Haji Zaharuddin bin Alias serta Encik Jasni bin Ahmad.



- ▶ YBhg. Datuk Mohd Ali Mansor, Ketua Pengarah, IKMa menerima cenderahati daripada Dr. (HC) Burhanuddin Abdullah Rektor Universiti IKOPIN.



- ▶ Lawatan delegasi ke Gudang Simpanan Koperasi BUMI.

Objektif program ini untuk mengenal pasti skop jalinan strategik antara IKMa dengan komuniti gerakan koperasi di Indonesia seperti Universiti IKOPIN dan koperasi yang berpotensi daripada perspektif pembangunan keupayaan dan kapasiti daripada perspektif modal insan koperasi.

Secara amnya, Universiti IKOPIN merupakan sebuah institusi pengajian tinggi swasta di Indonesia yang ditubuhkan pada tahun 1981. Selain itu, universiti ini merupakan satu-satunya universiti koperasi di ASEAN yang memberi fokus dalam bidang pengurusan koperasi.

Setelah selesai taklimat dan lawatan di Universiti IKOPIN, para delegasi dibawa melawat ke Koperasi Bina Usaha Mandiri (BUMI). Koperasi ini menjalankan

perniagaan pembekalan bahan mentah kepada Industri Kecil dan Sederhana (IKS) di Bandung. Taklimat mengenai Koperasi BUMI telah disampaikan oleh Cik Hely Herlina Ayudia selaku Pengerusi Koperasi.

Pada hari kedua lawatan, peserta delegasi dibawa melawat ke Koperasi Pesantren Al-Ittifaq. Lokasi koperasi ini berada di kawasan bercuaca sejuk sepanjang tahun. Penerangan mengenai Koperasi Al-Ittifaq telah disampaikan oleh Encik A. Setia Irawan selaku Pengerusi Koperasi.

Pada sebelah petang, delegasi dibawa ke Koperasi Penternakan Bandung Selatan (KPBS) yang terletak di daerah Pangalengan, Jawa Barat. Taklimat mengenai KPBS disampaikan oleh Encik H. Aun Gunawan, SE, Pengerusi KPBS. Koperasi ini menjalankan

aktiviti memproses susu lembu kepada produk akhir. Pada hari ketiga, delegasi dibawa melawat ke Koperasi Klasik Beans. Koperasi ini terletak di daerah Rancasalak, Kabupaten Garut, Jawa Barat. Koperasi Klasik Beans menjalankan aktiviti perniagaan kopi. Koperasi berperanan dalam memberi khidmat nasihat kepada penanam kopi yang merangkumi bermula daripada peringkat penanam, penuaian biji kopi, penghasilan biji kopi yang berkualiti, pemprosesan biji kopi dan pemasaran. Dalam program lawatan ini juga, IKMa dan Universiti IKOPIN turut memeterai perjanjian kerjasama melalui Letter on Intent (LoI) yang merangkumi dari aspek penyelidikan, latihan dan pendidikan, perkongsian pengalaman dan pengetahuan, program sangkutan, pertukaran pelajar dan bekerjasama dalam pembangunan dan lawatan ke koperasi bagi kedua-dua buah negara.



- ▶ Antara produk yang dikeluarkan oleh KPBS iaitu Yogurt berperisa strawberi dan anggur.



- ▶ Delegasi berpeluang melihat sendiri cara pembungkusan yang dilakukan oleh Koperasi Pesantren Al- Ittifaq.

Secara keseluruhannya, program lawatan ini telah berjalan dengan lancar dan mencapai matlamatnya. Para peserta delegasi yang mengikuti lawatan ini turut berpeluang melihat secara dengan lebih dekat kejayaan koperasi-koperasi yang berada di luar negara. Diharapkan program ini akan mencambahkan idea kepada koperator di Malaysia untuk terus maju dan berkembang dalam perniagaan yang diceburi.

Wakil ICAAP ke IKMa

R. Zarinatun Mohd Abdul Kader
 zarinatun@ikma.edu.my
 Pusat Antarabangsa dan Kolaborasi



► Acara kemuncak iaitu perbincangan bersama Dr. Zurita Mohd Saleh, Pengarah Pusat CIC bersama Pegawai Latihan Pusat CIC.

IKMa telah menerima lawatan daripada Encik Balasubramaniam Iyer, International Cooperative Alliance-Asia Pacific (ICAAP) dan diiringi oleh pegawai daripada Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa ANGKASA yang diketuai oleh Dr. Noraini Mohamad, Pengurus Besar, Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa (BHEA) ANGKASA serta beberapa orang pegawai beliau pada 21 Februari 2023. Pusat Antarabangsa & Kolaborasi (CIC) Institut Koperasi Malaysia (IKMa) selaku penyelaras telah dipertanggungjawabkan untuk menyelaras program lawatan ini. Objektif lawatan ini untuk mengeratkan hubungan antara IKMa dan ICAAP (pertemuan terakhir bersama Encik Balasubramaniam Iyer di IKMa adalah pada tahun 2018 dan ketika itu Tuan Haji Ariffin Mamat merupakan Ketua Pengarah IKMa pada ketika itu). Selain itu,

beliau juga ingin mendapat pandangan daripada IKMa untuk mengukuhkan peranan IKMa sebagai ahli ICA dari perspektif koperasi.

Aktiviti dimulakan dengan lawatan ke bahagian paparan dinding bergambar yang terletak di sebelah Perpustakaan Tan Sri Noh Omar yang memaparkan revolusi sejarah penubuhan IKMa, potret mantan menteri dan potret mantan Ketua Pengarah yang telah berkhidmat di IKMa. Delegasi seterusnya dibawa bertemu dengan YBhg. Datuk Mohd Ali Mansor, Ketua Pengarah IKMa di bilik ketua pengarah untuk mengadakan perbincangan berkaitan UKKM dan program ICAAP. Perbincangan ini turut disertai oleh Profesor Dato' Dr. Azali Mohamed, Naib Canselor Universiti Keusahawanan Koperasi Malaysia

(UKKM), Dr. Norainin Mohamad, Pengurus Besar, Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa, ANGKASA dan Dr. Zurita Mohd Salleh, Pengarah Pusat Antarabangsa & Kolaborasi, IKMa.

Acara diteruskan dengan lawatan ke Perpustakaan Tan Sri Noh Omar. Taklimat berkaitan technolab telah diberi oleh Puan Azlifah Abas, Pengarah Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi (ICT) dan Encik Faiz Ahmad Yatim, Pegawai Latihan Pusat ICT. Usai taklimat, pemberian cenderamata dan sesi fotografi beramai-ramai telah diadakan di perpustakaan sebagai tanda kenangan. Sebelum sesi lawatan berakhir, satu perbincangan bersama pengarah dan Pegawai Latihan dari Pusat CIC diadakan untuk memperkukuhkan lagi ikatan kerjasama di antara pengurusan ICA dengan ahli

ICA berserta cadangan program kerjasama pada masa akan datang.

IKMa berharap agar peluang untuk menyelaras dan mengendali latihan seperti yang pernah dibuat pada tahun 2018 dapat diadakan semula, iaitu IKMa telah diberi penghormatan oleh ICA untuk menyelaras dan mengendalikan program latihan di peringkat antarabangsa bagi 10 orang peserta Afrika dari pelbagai wilayah di Afrika. Antara objektif program latihan ini adalah membasmi kebuluran dan kemiskinan, memupuk pertubuhan peladang, termasuk koperasi pertanian untuk meningkatkan pengeluaran pertanian dan meningkatkan pendapatan petani melalui pembangunan pertanian sebagai industri utama di rantau Afrika. Penganjur program: ICA-AP dengan kerjasama Kesatuan Pusat Koperasi Pertanian Jepun [JA-ZENCHU], Institut Pembangunan Kerjasama Pertanian di Asia [IDACA-Jepun], dan Institut Koperasi Malaysia (IKMa). Program ini telah dibiayai oleh Kementerian Pertanian, Perhutanan dan Perikanan [MAFF] Kerajaan Jepun, dan dilaksanakan oleh ICA.

IKMa berharap agar ICA dapat menawarkan pelbagai penceramah jemputan pengalaman dalam mana-mana seminar atau kursus dan perkhidmatan perundingan untuk sektor pelbagai disiplin. IKMa dan ICAAP boleh bekerjasama dalam mana-mana fokus penyelidikan dalam sektor gerakan koperasi atau bekerjasama sebagai ejen perantara dalam mempromosikan penyelidikan yang dibuat oleh kedua-dua pihak untuk rantau Asia Pasifik.



► Pemberian cenderamata oleh YBhg. Datuk Mohd Ali Mansor, Ketua Pengarah, IKMa kepada Encik Balasubramanian Iyer, ICAAP Regional Director di pejabat Ketua Pengarah.



► Penerangan oleh Puan R. Zarinatun Mohd Abdul Kader, Pegawai Latihan Kanan, Pusat Antarabangsa & Kolaborasi berkaitan sejarah penubuhan IKMa kepada Encik Balasubramanian Iyer, ICAAP Regional Director berdasarkan galeri bergambar.



► Encik Balasubramanian Iyer, tertarik dengan perisian komputer yang dipaparkan berkaitan maklumat koperasi di seluruh Malaysia.



► Bergambar beramai-ramai di Perpustakaan Tan Sri Noh Omar sebagai tanda kenangan bersama tetamu lawatan ke IKMa.

Program International Co-operative Alliance Asia Pacific Malaysian Business Office (MBO) Co-operative Training

R. Zarinatun Mohd Abdul Kader
 zarinatun@ikma.edu.my
 Pusat Antarabangsa dan Kolaborasi

Program ICAAP MBO Co-operative Training, anjuran ANGKASA dengan kerjasama Institut Koperasi Malaysia (IKMa) telah diadakan pada 22 hingga 25 Mei 2023. Program latihan ini telah dijadualkan bermula di IKMa pada 22 Mei 2023. Seramai 40 orang delegasi daripada beberapa negara iaitu Filipina, Cambodia, Republic of Guinea & Sokoto, Nigeria telah hadir bagi mengikuti program latihan ini yang terdiri daripada Ahli Lembaga, Pengurus, Pengerusi,

Akauntan, Pengurus Pentadbiran, Pegawai Pentadbiran dan Pembangunan, Pegawai Perancangan Perniagaan, Pegawai Pemungut Zakat, Pegawai Pelaburan Waqf, Pegawai Koperasi dan pegawai serta Penyelaras Program dari ANGKASA turut terlibat dalam lawatan ini. Pegawai ANGKASA yang menyelaras program ini ialah Puan Hj. Wan Aswati binti Wan Mohamad, Pengurus Unit Malaysian Business Office (MBO) dan Puan Noor Azlinn Zahariman, Pengurus

Unit Perhubungan Antarabangsa (UPA) Bahagian Hal ehwal Antarabangsa (BHEA).

Antara objektif program ini adalah menambah pengetahuan dan pemahaman tentang cara perniagaan koperasi berfungsi dengan fokus kepada nilai, prinsip dan falsafah gerakan koperasi. Program ini turut memberi peluang kepada peserta untuk melawat koperasi sekolah dan koperasi kariah masjid yang membolehkan mereka memperoleh pengalaman praktikal dan memahami lebih baik konsep yang dipelajari. Selain itu, program ini juga memberi tumpuan khusus kepada Koperasi Kariah Masjid, model Koperasi Sekolah di Malaysia, Sistem Potongan Gaji ANGKASA (SPGA), dan Sistem Pengurusan Berkomputer ANGKASA (SPBA) yang dibentangkan oleh pihak ANGKASA untuk mengendalikan operasi pengurusan kewangan koperasi. Ia akan memberikan peserta pemahaman yang menyeluruh tentang gerakan koperasi dan contoh praktikal bagaimana koperasi boleh ditubuhkan dan diurus dengan berkesan.

Program bermula dengan sesi suai kenal yang dikendalikan oleh Puan Hj. Wan Aswati binti Wan Mohamad, penyelaras ANGKASA bersama peserta. Kemudian program diteruskan dengan sesi



▶ YBhg. Datuk Mohd Ali Mansor, Ketua Pengarah IKMa bergambar bersama penyelaras daripada IKMa dan ANGKASA.



▶ Sesi taklimat oleh Cik Sharina Abdullah, Pengarah Kanan Bahagian Dasar & Strategi.



▶ Peserta dari Cambodia bergambar bersama penceramah jemputan.



▶ Peserta dari Filipina bergambar bersama penceramah jemputan.



► Delegasi bergambar bersama YBhg. Datuk Mohd Ali Mansor, Ketua Pengarah IKMa dan ANGKASA.

bergambar bersama YBhg Datuk Mohd Ali bin Mansor, Ketua Pengarah IKMa. Peserta seterusnya dibawa melihat dan diberi penerangan oleh penyelaras IKMa berkaitan sejarah penubuhan IKMa berserta gambar-gambar kenangan yang terdapat di dinding laluan peserta bagi mengikuti program latihan seterusnya di Bilik Bunga Raya. Program diteruskan dengan taklimat berkaitan IKMa yang telah disampaikan oleh Cik Sharina binti Abdullah, Pengarah Kanan, Bahagian Dasar dan Strategi, IKMa. Kemudian sesi diteruskan dengan penerangan oleh Puan R. Zarinatun binti Mohd Abdul Kader selaku penyelaras program berkaitan

fungsi dan peranan Pusat Antarabangsa dan Kolaborasi serta meuar-uarkan program webinar kerjasama di antara IKMa (Malaysia) dengan negara Indonesia (IKOPIN), Filipina (PUP) dan Mauritius (NCCM) bertajuk best practices "Co-operatives Excellence & Sustainability through Transformational Leadership" cadangan tarikh program ini dijangka akan diadakan pada 25 Julai 2023 secara dalam talian. Selanjutnya program diteruskan dengan sesi kedua, taklimat yang disampaikan oleh Encik Mohd Safaai bin Said, Ahli Lembaga Koperasi KOIKMa bertajuk "Cooperative Identity: Malaysia Perspective."

Akhir kata, program ini berjalan dengan lancar seperti yang dirancang dan peserta amat teruja dengan penerangan yang diberikan oleh penceramah berkaitan koperasi di Malaysia. Peserta amat tertarik dengan pengisian program dan berhasrat untuk mengadakan program latihan bersama pihak IKMa bagi mendalami dan mempelajari tentang sektor koperasi, perniagaan koperasi, dan cara perniagaan koperasi berfungsi agar peserta dapat memahami konsep koperasi dengan tumpuan kepada nilai, prinsip dan falsafah gerakan koperasi. Program berakhir dengan sesi bergambar dengan peserta bersama penceramah.



► YBhg Datuk Mohd Ali Mansor, Ketua Pengarah IKMa, bergambar bersama delegasi dari Nigeria.



► Peserta dari Cambodia bergambar bersama YBhg Datuk Mohd Ali Mansor, Ketua Pengarah IKMa.




► Sesi penyampaian cenderamata kepada YBhg Datuk Mohd Ali Mansor, Ketua Pengarah IKMa.

Webinar Food Security in the Context of Co-operatives: Role, Challenges and Opportunities

Muhammad Afnan Hasim
afnan@ikma.edu.my
Pusat Antarabangsa & Kolaborasi



▶ Mr. H. Aun Gunawan, SE, Koperasi Peternakan Bandung Selatan, Indonesia.



▶ Dr. Choi Jung Yun, National Agricultural Cooperative Federation, Korea.



▶ Ts. Paul Selvam Michel a/l Devadoss, Integrated Agriculture Cooperative Malaysia Limited, Malaysia.

Pusat Antarabangsa dan Kolaborasi, Institut Koperasi Malaysia (IKMa) telah menganjurkan satu Program Bicara Ilmu secara dalam talian bertajuk Food Security in the Context of Co-operatives: Role, Challenges and Opportunities pada 10 April 2023 yang lalu. Objektif utama penganjuran ini bertujuan untuk berkongsi pengetahuan dan pengalaman daripada gerakan koperasi di peringkat global dalam membincangkan isu, cabaran dan peluang dari perspektif koperasi tentang Sekuriti Makanan (Food Security).

Webinar ini telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk Mohd Ali bin Mansor, Ketua Pengarah IKMa. Seramai 80 orang peserta yang menyertai program ini terdiri daripada peserta dari dalam dan luar negara seperti Malaysia, Filipina, Mauritius, Uganda, Indonesia, Nepal, Ghana, Algeria yang hadir secara dalam

talian melalui platform aplikasi Zoom Meeting. Dr. Zurita binti Mohd Saleh, Pengarah Pusat Antarabangsa dan Kolaborasi ialah moderator bagi program pada kali ini.

Seramai tiga pembentang kertas kerja telah dijemput untuk membentangkan kertas kerja masing-masing secara dalam talian berdasarkan pengalaman dan pengetahuan mereka. Pembentang pertama daripada Korea iaitu Dr. Choi Jung Yun, National Agricultural Cooperative Federation, membentangkan kertas kerja yang bertajuk Sustainable Development Goal (SDGs): Creating A World Free of Hunger By 2030.

Pembentang kedua ialah Mr. H. Aun Gunawan, SE, Pengerusi Koperasi, Koperasi Peternakan Bandung Selatan (KPBS), Indonesia membentangkan kertas kerja beliau bertajuk Cooperative

Initiative In Farming and Food Security.

Pembentang ketiga dan terakhir ialah Ts. Paul Selvam Michel a/l Devadoss, Pengerusi Koperasi, Integrated Agriculture Cooperative Malaysia Limited, Malaysia, membentangkan kertas kerja beliau bertajuk Food Security and Urban Farming: Malaysian Perspective.

Secara keseluruhannya, penganjuran program ini telah berjalan dengan lancar dan berjaya. Malahan kami telah menerima maklum balas yang positif daripada para peserta di peringkat antarabangsa. Pusat CIC mengharapkan agar ilmu dan maklumat yang diperoleh sepanjang berlangsungnya program ini dapat dimanfaatkan sebaiknya di peringkat dalam negara bagi peserta di Malaysia dan juga di peringkat antarabangsa.

IKMa Prihatin: Misi Bantuan Mangsa Banjir di Segamat

Nur Ain Azmira Abu Seman
azmira@ikma.edu.my
Unit Komunikasi Korporat

Skuad Sukarelawan Institut Koperasi Malaysia (IKMa) dengan penglibatan bersama warga kerja Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) telah bergerak ke Segamat, Johor ada 9 Mac 2023 bagi menjayakan misi bantuan kepada penduduk yang terkesan akibat musibah banjir baru-baru ini.

Dalam misi bantuan ini, Skuad Sukarelawan IKMa telah berbesar hati menyampaikan beberapa bantuan seperti beg makanan, kit bantuan banjir berbentuk barangan keperluan harian selain turut memberi bantuan membersihkan kawasan kediaman

penduduk yang terjejas teruk di sekitar Kg. Kuala Paya, Buluh Kasap, Segamat.

Secara keseluruhannya, usaha Skuad Sukarelawan IKMa dengan penglibatan bersama warga kerja ANGKASA telah menerima maklum balas positif daripada penduduk di sekitar kawasan bantuan selain turut menerima lawatan daripada YB Dato' Zahari bin Sarip, Adun Buloh Kasap, ketika misi bantuan sedang berjalan. Semoga bantuan yang disalurkan menerusi misi bantuan banjir ini sedikit sebanyak dapat membantu meringankan beban mereka yang ditimpa bencana.



► Sumbangan beg makanan diberikan oleh wakil IKMa kepada penduduk yang terjejas.



► Kakitangan IKMa sedang melakukan persiapan untuk turun membantu mangsa banjir.



► Kakitangan IKMa bertungkus lumus membantu membersihkan perkakas rumah yang dipenuhi selut.



► Wakil ANGKASA memberikan bantuan makanan kepada penduduk di Pusat Pemindahan Sementara mangsa banjir.

IKMa anjur Majlis Berbuka Puasa bersama Media

Nur Ain Azmira Abu Seman
azmira@ikma.edu.my
Unit Komunikasi Korporat

Institut Koperasi Malaysia telah menganjurkan majlis berbuka puasa bersama media yang telah berlangsung pada 4 April 2023. Majlis ini telah diadakan di Sunway Hotel Putra, Kuala Lumpur.

Tujuan Majlis Berbuka Puasa ini dianjurkan adalah sebagai usaha IKMa meraikan pihak media yang telah banyak membantu menaikkan nama dan imej

Institut Koperasi Malaysia (IKMa) dan gerakan koperasi menerusi liputan-liputan berita yang telah disiarkan kepada masyarakat.

Majlis ini telah dihadiri oleh lebih 100 orang pengamal media selain Ahli Lembaga Pengarah dan staf IKMa. Turut hadir dalam majlis ini ialah YBhg. Datuk Mohd Ali bin Mansor, Ketua Pengarah

Institut Koperasi Malaysia (IKMa), Encik Mohd Zaib bin Mat Yunus, Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan Modal Insan, dan Puan Hamidah bin Mohd Jos, Timbalan Ketua Pengarah Pengurusan. Secara keseluruhan, majlis ini telah berjalan dengan lancar dan mencapai objektifnya apabila rata-rata tetamu memberi maklum balas positif setelah hadir ke majlis ini.



▶ Sesi sidang akhbar oleh Ketua Pengarah dan Timbalan Ketua Pengarah IKMa.



▶ Pegawai IKMa bersama media yang hadir.



▶ Antara rakan-rakan media yang hadir.





PROGRAM GLAMPING TAMAN NEGARA PAHANG

Nur Anizah Aziz
 anizah@ikma.edu.my
 Kelab Sukan & Sosial IKMa



► Encik Mohd Zaib mewakili KSS IKMa menyerahkan cenderamata kepada pemilik Danz Eco Resort sebagai tanda kenangan

Kelab Sukan dan Sosial (KSS) IKMa telah mengadakan Program Glamping di Taman Negara Pahang selama 3 hari 2 malam iaitu pada 9 Jun hingga 11 Jun 2023. Tempat penginapan peserta adalah di Danz Eco Resort, Kuala Tahan Pahang. Program ini telah dihadiri seramai 36 orang peserta yang terdiri daripada ahli KSS yang juga merupakan kakitangan IKMa serta pasangan dari seluruh Malaysia. Turut serta Encik Mohd Zaib bin Md Yunus, Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan Modal Insan (TKPPMI), dan Puan Hamidah binti Mohd Jos, Timbalan Ketua Pengarah Pentadbiran (TKPP).

Sepanjang program 3 hari 2 malam tersebut, pelbagai aktiviti telah dijalankan. Antaranya adalah aktiviti berkayak dan *night jungle walk* iaitu berjalan di dalam hutan dengan hanya berbekalkan lampu suluh bagi menikmati suasana malam dan melihat haiwan-haiwan terutamanya serangga. Selain itu, aktiviti *jungle trekking* turut diadakan pada hari kedua bagi meneroka keindahan flora dan fauna Hutan Hujan Tropika di dalam Taman Negara, meniti di Titian Kanopi atau *Canopy Walkway* yang terpanjang di dunia iaitu sepanjang 530m dan

40m ketinggian dari permukaan tanah dan menikmati pemandangan menarik Gunung Tahan di Bukit Terisek.

Para peserta juga dibawa melawat ke perkampungan orang asli suku kaum Batek yang terletak di tebing Sungai Tembeling dengan tujuan mempelajari budaya dan sejarah serta menyerahkan sumbangan. Dalam lawatan tersebut, turut diadakan demonstrasi penggunaan senjata untuk memburu dan menghidupkan api secara tradisional. Seterusnya ialah aktiviti *Rapid Shooting*

iaitu menaiki bot dan melalui lima lapisan jeram bermula dari Kuala Tahan dan berakhir di Kampung Dedari.

Program Glamping pada kali ini sememangnya telah memberikan pengalaman yang cukup indah dan menarik kepada semua peserta yang telah mengikutinya. Percutian berkonsepkan "ala perkhemahan" dengan dikelilingi kehijauan alam semula jadi dapat merehatkan minda dari kesibukan kota serta menikmati pemandangan yang cantik dan tenang.



▶ Para peserta sedang mendengar perkongsian tentang sejarah dan budaya suku kaum Batek oleh wakil atau "orang tengah" bagi penduduk orang asli.



▶ Puan Hamidah menyerahkan sumbangan kepada keluarga penduduk orang asli.



▶ Peserta bergambar kenangan bersama Tok Batin.



▶ Aktiviti berkayak



▶ Jungle Trekking



05 JANUARI 2023
Lawatan dari Koperasi BSN



27 JANUARI 2023
Penyampaian Sijil Penghargaan kepada
Wakil Sidang Redaksi Majalah Info
& Majalah Dimensi



12 JANUARI 2023
Kunjungan Hormat YB Menteri KUSKOP ke IKMa



02 FEBRUARI 2023
Kerjasama Strategik antara Universiti Kebangsaan
Malaysia (UKM) dan Institut Koperasi Malaysia
(IKMa)



22 FEBRUARI 2023
Les Copaque Lawat IKMa





31 MAC 2023

Majlis Berbuka Puasa Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP)



02 MEI 2023

Kunjungan Hormat ke Pejabat MB Perak



14 APRIL 2023

Program Khidmat Masyarakat, Agihan Bubur Lambuk





Universiti Keusahawanan Koperasi Malaysia (UKKM) is a university owned by the Institut Koperasi Malaysia (IKMa) which is also an agency under the Ministry of Entrepreneur and Cooperatives Development (KUSKOP) has received approval for its establishment by the Ministry of Higher Education (MoHE) on 28 March 2022. UKKM was established specific and focusing on the management of cooperatives, trade and business in line with IKMa's efforts to dignify the cooperative industry in this country. UKKM is also the first university in Malaysia to focus on the field of Cooperatives. UKKM was also created to produce professional and competent human capital in entrepreneurship.

ADMISSIONS OPEN 2023

PROGRAMMES OFFERED

SCHOOL OF ENTREPRENEURSHIP

- Diploma in Cooperative Entrepreneurship (MQA/PA 16202)
- Diploma in Cooperative Management (MQA/PA 16201)
- Bachelor of Business Administration (Cooperative Entrepreneurship) (Honours) (MQA/PA 16219)
- Bachelor of Business Administration (Cooperative Management) (Honours) (MQA/PA 16251)

GRADUATE BUSINESS SCHOOL

- Master in Business Administration (Cooperative Management) (MQA/PA 16338)

BENEFITS OF UKKM PROGRAMMES



2 intakes per year



Scholarships, financial assistance,
and flexible payment scheme.



Accredited by MQA / KPT



First Cooperative and Entrepreneurship University in Malaysia.

APPLY NOW



603.7964.9000



info@ukkm.edu.my



ukkmofficial

EXCELLENCE COOPERATIVE MINDSET

www.ukkm.edu.my



MBA

COOPERATIVE MANAGEMENT

(MQA/PA 16338)

HELLO,

We are a pioneer in
cooperative higher learning
education

MASTER IN BUSINESS
ADMINISTRATION
(COOPERATIVE
MANAGEMENT)

**UNLOCK YOUR POTENTIAL
WITH US!**

APPLY NOW



**TAKE YOUR CAREER TO THE
NEXT LEVEL WITH OUR
MBA!**

**CONTACT
US**



+6012-3755126 (Prof. Khairul)
+6012-3871257 (Prof. Haizam)



info@ukkm.edu.my



103, Jalan Templer,
PJS 7, 46700 Petaling
Jaya, Selangor



Are you looking to expand your knowledge and skills in the field of cooperative management? Our MBA program can give you the edge you need to succeed. With this degree, you'll learn the essential principles of business, finance, and economics, as well as gain a deep understanding of how cooperatives operate. You'll also develop the skills necessary to lead and manage a successful cooperative business.



Gain the competitive edge with our MBA Cooperative Management! With this degree, you'll be able to lead and manage a cooperative business successfully. You'll have a deep understanding of how cooperatives operate, giving you the skills needed for success.



Make a leap forward with an MBA Cooperative Management! This could be the perfect opportunity for you to make an impact and give your career an exciting new direction. **ENROLL** today to get started on your journey towards success!

www.ukkm.edu.my



ukkmofficial



603.7964.9000



info@ukkm.edu.my